



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN NEGERI

KEDAH

TAHUN 2018 SIRI 2

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN

**NEGERI KEDAH
TAHUN 2018
SIRI 2**

Jabatan Audit Negara Malaysia

KANDUNGAN

KANDUNGAN

**MUKA
SURAT**

PENDAHULUAN vii

AKTIVITI JABATAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH LANGKAWI

1. Pengurusan Bahan Batuan Daerah Langkawi 1 - 3

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI

KEDAH 2 - 3

2. Pengurusan Program Peningkatan Populasi Pembangak
Bagi Ternakan Ruminan

PENUTUP 3 - 3

AKRONIM 4 - 3

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti jabatan/agensi serta pengurusan syarikat kerajaan negeri. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah pula akan memperkenan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan kerajaan negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di jabatan/agensi negeri telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti kerajaan negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat kerajaan negeri telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan pada kali ini mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap aktiviti di dua (2) jabatan Negeri Kedah. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi kerajaan merupakan pengauditan prestasi yang dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Format pelaporan sedia ada telah ditambah baik dengan menyediakan Ringkasan Eksekutif bagi setiap aktiviti yang dilaporkan, untuk membolehkan pembaca mendapat maklumat penting mengenai perkara yang diaudit serta penemuan utama Audit.

3. Seperti tahun yang lalu, ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam laporan ini untuk tujuan pengesahan. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada ketua jabatan terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa *Exit Conference* diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada *stakeholders* mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 15 syor untuk diambil tindakan oleh jabatan berkenaan.

4. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti kerajaan negeri. Selain meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam, laporan ini juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran melalui *lessons learnt* bagi membolehkan kerajaan mendapat *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai jabatan kerajaan negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

15 November 2019

1

PEJABAT DAERAH DAN TANAH LANGKAWI

- Pengurusan Bahan Batuan Daerah Langkawi

RINGKASAN EKSEKUTIF

PEJABAT DAERAH DAN TANAH LANGKAWI

PENGURUSAN BAHAN BATUAN DAERAH LANGKAWI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap pengurusan bahan batuan di Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi (PDTL) bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan bahan batuan.
- Prestasi bahan batuan dinilai melalui elemen pencapaian output dan *outcome*. Pencapaian output dinilai terhadap pengeluaran sebenar bahan batuan, manakala pencapaian *outcome* dinilai terhadap kutipan sebenar royalti berbanding sasaran.
- Pengurusan bahan batuan pula meliputi empat (4) perkara iaitu kelulusan dan pelaksanaan aktiviti pengeluaran bahan batuan, pengurusan hasil, pemantauan dan penguatkuasaan serta impak aktiviti terhadap alam sekitar.
- Pengauditan melibatkan 21 pengusaha bahan batuan yang beroperasi bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 dan lima (5) pengusaha yang beroperasi tanpa kelulusan.
- Pengauditan ini turut mendapat kerjasama dan khidmat nasihat daripada Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK), Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah (JAS), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) serta Jabatan Perangkaan Negeri Kedah.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Hasil royalti bahan batuan merupakan salah satu (1) daripada lima (5) penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri Kedah. Pada tahun 2018, sejumlah RM17.80 juta (8%) hasil royalti bahan batuan dikutip daripada keseluruhan Hasil Cukai kerajaan negeri.
- Memastikan penjanaan kewangan pengurusan bahan batuan adalah cekap dan berkesan serta memberi implikasi kewangan yang tinggi kepada kerajaan negeri.
- Peningkatan keberkesanan sistem pengurusan bahan batuan dapat menjadi penanda aras kepada kerajaan negeri.
- Memastikan sumber bahan batuan dibangunkan secara mesra alam sekitar, bertanggungjawab dan mapan.

Apa yang ditemui Audit?

- Pengurusan bahan batuan tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan:
 - PDTL tidak menetapkan sasaran kuantiti bagi semua jenis pengeluaran bahan batuan;
 - Kadar ketumpatan bahan (*rock density*) iaitu 2.614 yang diguna pakai oleh dua (2) pengusaha bagi pembayaran royalti tidak ditentukan oleh PDLT. Sebaliknya PDLT menerima pakai kadar tersebut berdasarkan laporan pengeluaran daripada dua (2) pengusaha tersebut;
 - Kadar royalti yang digunakan oleh PDLT untuk pengeluaran jenis batu adalah RM1.50 per tan metrik dan jenis batu kapur serta tanah liat adalah RM1.13 per tan metrik. Kadar bagi semua jenis batu ini tidak diputuskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) atau diwartakan;
 - Permit 4C tidak dikeluarkan terhadap enam (6) pengusaha pengeluaran batu, batu kapur dan tanah liat; dan
 - PDLT mempunyai tunggakan royalti bahan batuan berjumlah RM803,782 bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Tunggakan ini melibatkan enam (6) pengusaha bagi pengeluaran batu, batu kapur dan tanah liat.
- Berlaku kelemahan dalam aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan antaranya:
 - Tiga (3) pengusaha telah tamat tempoh pajakan antara dua (2) hingga tujuh (7) tahun tetapi masih beroperasi;
 - Sebanyak lima (5) kawasan dikenal pasti berlaku aktiviti pengeluaran bahan batuan tanpa kelulusan. Selain itu, pengeluaran bahan batuan bagi tiga (3) kawasan adalah melebihi lot yang diluluskan; dan
 - Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, sebanyak 119 daripada 220 buah buku doket yang telah dikeluarkan kepada 14 pengusaha telah gagal dikemukakan bersama Penyata Pengeluaran Bahan Batuan kepada PDLT selepas tamat tempoh Permit 4C.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH LANGKAWI

1. PENGURUSAN BAHAN BATUAN DAERAH LANGKAWI

FAKTA UTAMA

RM17.80 juta Hasil royalti bahan batuan Negeri Kedah tahun 2018	RM13.58 juta Kutipan royalti PDTL (2016 hingga 2018)	21 Pengusaha (2016 hingga 2018)
Objektif Utama Aktiviti	Meningkatkan hasil kerajaan negeri.	
Jenis Bahan Batuan yang Diluluskan Pengeluaran	Batu, batu kapur, tanah liat, tanah merah dan pasir.	
Unit Bahan Batuan	Bertanggungjawab menguruskan permohonan dan pengeluaran bahan batuan daripada orang awam dan agensi kerajaan.	
Unit Penguatkuasaan dan Teknikal	Bertanggungjawab melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan bagi aktiviti bahan batuan.	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi (PDTL) yang ditubuhkan pada tahun 1909 merupakan sebuah pusat pentadbiran yang terpenting di Daerah Langkawi. PDTL merupakan jabatan yang bertanggungjawab dalam pengurusan hal ehwal tanah di daerah ini dan salah satu aktiviti utamanya adalah pengurusan bahan batuan. Unit Bahan Batuan bertanggungjawab menguruskan permohonan dan pengeluaran bahan batuan daripada orang awam dan agensi kerajaan. Unit Penguatkuasaan dan Teknikal pula bertanggungjawab melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan bagi aktiviti bahan batuan. Jenis bahan batuan yang diluluskan pengeluaran bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 di PDTL ialah batu, batu kapur, tanah liat, tanah merah dan pasir.

1.2. Bahan batuan merupakan sebahagian daripada elemen penting dalam pembangunan infrastruktur. Sebagai contoh, pembinaan jalan raya dan bangunan sangat bergantung kepada bahan yang berdasarkan batuan. Mengikut Seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965), bahan batuan bermaksud;

- a. apa-apa batuan, batu, kelikir, pasir biasa, tanah biasa, laterit biasa, tanah gembur, tanah liat biasa, tanah lumpur, tanah rumput, gambur, karang, cengkerang; dan
- b. apa-apa bahan batuan lain di dalam atau di atas tanah termasuk bahan-bahan yang diproses darinya, selain daripada bahan yang ditakrifkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan perlombongan yang berkuat kuasa pada masa itu.

1.3. Mengikut Seksyen 70 Akta 56/1965, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) boleh membenarkan pengeluaran, pemindahan dan pengangkutan bahan batuan dari tanah Kerajaan, tanah beri milik, tanah lombong dan tanah rizab. Mana-mana orang awam dan agensi kerajaan boleh memohon permit untuk tujuan mengambil dan memindah bahan batuan ini. Manual Kanun Tanah Negara, Pekeliling Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah serta Garis Panduan Penguatkuasaan diguna pakai yang merangkumi kuasa mengeluarkan permit, proses pengeluaran permit, syarat dan terma permit, penguatkuasaan pengeluaran bahan batuan dan deposit. Hasil daripada pengeluaran dan pemindahan bahan batuan ini, Pentadbir Tanah Daerah mengutip royalti berdasarkan kuantiti pengeluaran dan pemindahan bahan batuan seperti yang ditetapkan dalam Aturan Tanah Kedah 1966. Kadar royalti mengikut jenis bahan batuan yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2016 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1
KADAR ROYALTI MENGIKUT JENIS BAHAN BATUAN**

BIL.	JENIS BAHAN BATUAN	KADAR (RM)
1.	Tanah, tanah merah, tanah liat, tanah liat bercampur dan tanah berumput semeter padu	3.00
2.	Pasir dan pasir laut semeter padu	4.00
3.	Batu karang semeter padu	17.00
4.	Bunga batu/batu hiasan sekilogram	17.00
5.	Kulit siput/kulit kerang semeter padu	3.00
6.	Kapur tohor dan batu kapur semeter padu	3.00
7.	Tahi kelawar se tan	3.00
8.	Batu besar, batu kecil, batu kelikir atau batu pejal sebarang bentuk semeter padu	4.00
9.	Bata setiap 1,000 unit atau sebahagian daripadanya	4.00
10.	Jubin dan gentian setiap 1,000 keping atau sebahagian daripadanya	3.00

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah

1.4. Hasil royalti bahan batuan merupakan antara sumber hasil utama Kerajaan Negeri Kedah iaitu sejumlah RM17.80 juta (8%) daripada keseluruhan Hasil Cukai Kerajaan Negeri iaitu berjumlah RM223.57 juta pada tahun 2018. Hasil royalti ini merupakan antara lima (5) penyumbang utama berbanding hasil-hasil lain kepada kerajaan negeri. PDTL pula bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 mengutip hasil royalti bahan batuan berjumlah RM13.58 juta seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2
HASIL ROYALTI BAHAN BATUAN DI PDTL BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018**

TAHUN	HASIL ROYALTI BAHAN BATUAN (RM Juta)
2016	4.98
2017	3.45
2018	5.15
JUMLAH (RM)	13.58

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bertujuan untuk menilai sama ada pengurusan bahan batuan Daerah Langkawi telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa bagi meningkatkan hasil kerajaan negeri.

3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan bahan batuan. Prestasi bahan batuan dinilai melalui elemen pencapaian output dan *outcome*. Pengurusan bahan batuan pula meliputi empat (4) perkara iaitu kelulusan dan pelaksanaan aktiviti pengeluaran bahan batuan, pengurusan hasil, pemantauan dan penguatkuasaan serta impak aktiviti terhadap alam sekitar. Pengauditan melibatkan kesemua 21 pengusaha bahan batuan yang beroperasi bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 dan lima (5) pengusaha yang beroperasi tanpa kelulusan. Pengauditan dijalankan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah (PTG) dan PDTL.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan memeriksa dokumen dan rekod seperti fail permohonan pengeluaran bahan batuan, buku permit mengeluar dan memindah bahan batuan, daftar deposit, buku doket dan penyata pengeluaran bulanan bahan batuan. Selain itu, fail permohonan pelekat kenderaan, rekod bayaran deposit dan kutipan hasil serta dokumen-dokumen kewangan lain yang berkaitan juga disemak. Pengauditan ini turut mendapat kerjasama dan khidmat nasihat daripada Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK), Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah (JAS), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan Jabatan Perangkaan Negeri Kedah. Temu bual dengan pengusaha bahan batuan dan pegawai PTG dan PDTL yang bertanggungjawab mengenai aktiviti pengeluaran dan pemindahan bahan batuan serta penguatkuasaan turut dijalankan. Selain itu, lawatan fizikal juga dilakukan terhadap 23 tapak pengeluaran bahan batuan, termasuk lima (5) tapak pengeluaran bahan batuan yang beroperasi tanpa kelulusan.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2018 hingga Februari 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

a. Prestasi Aktiviti

Berdasarkan trend, berlaku penurunan dalam kuantiti pengeluaran bahan batuan bagi tahun 2017 dan 2018 berbanding tahun 2016 yang turut menyebabkan kutipan hasil royalti berkurang bagi kedua-dua tahun tersebut. Prestasi kuantiti pengeluaran sebenar bahan batuan berbanding sasaran tidak dapat ditentukan kerana PDTL tidak menetapkan sasaran kuantiti pengeluaran tahunan. Bagi aspek kutipan hasil royalti semasa (tidak termasuk tunggakan), sejumlah RM4.08 juta telah dikutip pada tahun 2016 dan menurun kepada RM2.22 juta pada tahun 2017. Pada tahun 2018 pula, kutipan hasil royalti berjumlah RM3.17 juta, iaitu peningkatan sejumlah RM0.95 juta berbanding tahun 2017. Prestasi kutipan sebenar hasil royalti berbanding sasaran adalah pada kadar 102%, 51.6% dan 60.9% masing-masing bagi tahun 2016, 2017 dan 2018. Selain itu, unit ukuran yang digunakan bagi mengukur kuantiti bahan batuan oleh PDTL dalam tan metrik adalah tidak mematuhi Aturan Tanah Kedah 1966 yang menggunakan unit ukuran meter padu. Perbezaan unit ukuran yang digunakan telah menyebabkan kurangan hasil kepada PDTL sejumlah RM17,365.

b. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti bahan batuan di PDTL tidak diuruskan dengan cekap kerana masih terdapat kelemahan dalam aspek yang dinilai, iaitu kelulusan dan pelaksanaan aktiviti pengeluaran bahan batuan, pengurusan hasil, pemantauan dan penguatkuasaan.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

a. Kelulusan dan Pelaksanaan Aktiviti Pengeluaran Bahan Batuan

- i. permit 4C tidak dikeluarkan terhadap enam (6) pengusaha pengeluaran batu, batu kapur dan tanah liat;
- ii. tiga (3) pengusaha telah tamat tempoh pajakan antara dua (2) hingga tujuh (7) tahun tetapi masih beroperasi;

- iii. sebanyak lima (5) kawasan dikenal pasti berlaku aktiviti pengeluaran bahan batuan tanpa kelulusan dan tiga (3) kawasan pengeluaran bahan batuan melebihi lot yang diluluskan; dan
- iv. seramai 14 daripada 16 atau 87.5% yang mempunyai Permit 4C dan buku doket tidak mengemukakan buku doket dan penyata pengeluaran bahan batuan seperti ditetapkan kepada PDTL.

b. Pengurusan Hasil

- i. kadar *rock density* yang diguna pakai oleh pengusaha bagi pembayaran royalti tidak dapat disahkan kerana PDTL hanya menerima kadar tersebut tanpa sebarang semakan dan bantahan;
 - ii. kadar harga yang digunakan oleh PDTL untuk pengeluaran jenis batu sejumlah RM1.50 per tan metrik dan bahan batuan dari jenis batu kapur dan tanah liat sejumlah RM1.13 per tan metrik tidak diputuskan dalam mana-mana Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) atau diwartakan; dan
 - iii. tunggakan royalti bahan batuan berjumlah RM803,782 bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 melibatkan enam (6) pengusaha bagi pengeluaran batu, batu kapur dan tanah liat.
-
- c. Tindakan penguatkuasaan tidak dilaksanakan terhadap pengusaha menyebabkan berlakunya aktiviti pengeluaran bahan batuan tanpa kelulusan.
 - d. Tiada pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang terhadap aktiviti pengeluaran bahan batuan yang memberi kesan kepada alam sekitar.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui dan maklum balas PDTL telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 20 Mac 2019 dan maklum balas telah diterima pada 25 April 2019 dan 17 September 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Prestasi Aktiviti

6.1.1. Pencapaian Output

- a. Pencapaian output dinilai berdasarkan kuantiti pengeluaran bahan batuan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Pengeluaran bahan batuan Daerah Langkawi terdiri daripada jenis batu, batu kapur, tanah liat, pasir dan tanah merah. Aturan Tanah Kedah 1966 menggunakan unit ukuran meter padu bagi mengira isi padu bahan batuan bagi jenis batu, batu kapur, tanah liat, pasir dan tanah merah. Semakan Audit mendapati dua (2) jenis unit ukuran telah digunakan oleh PDTL iaitu meter padu dan tan metrik bagi mengira isi padu bahan batuan yang dikeluarkan. Pengeluaran bahan batuan jenis tanah liat, tanah merah dan pasir menggunakan meter padu manakala pengeluaran bahan batuan jenis batu menggunakan tan metrik. Bagi pengeluaran batu kapur, PDTL menggunakan kedua-dua jenis ukuran iaitu tan metrik dan meter padu.
- b. Berdasarkan penyata pengeluaran pengusaha PDTL bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, sebanyak 0.58 juta tan metrik dan 4.08 juta meter padu bahan batuan telah dikeluarkan. Jumlah pengeluaran keseluruhan bahan batuan dalam ukuran meter padu bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 4.30 juta meter padu. Pengeluaran pada tahun 2016 ialah sebanyak 1.75 juta meter padu manakala pada tahun 2017 dan 2018, pengeluaran bahan batuan menurun masing-masing sebanyak 1.39 juta meter padu dan 1.17 juta meter padu seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KUANTITI PENGETUARAN SEBENAR BAHAN BATUAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

JENIS BAHAN BATUAN	TAHUN			JUMLAH KUANTITI
	2016	2017	2018	
TAN METRIK				
Batu Kapur	3,048	3,819	1,987	8,854
Batu	230,585	212,780	126,109	569,474
JUMLAH TAN METRIK (a)	233,633	216,599	128,096	578,328
PERTUKARAN TAN METRIK KEPADA METER PADU [(a) ÷ 2.614 rock density]	89,377	82,861	49,004	221,242
METER PADU				
Batu Kapur	1,437,008	1,168,692	1,054,397	3,660,097
Tanah Liat	160,651	104,185	33,869	298,705
Tanah Merah	49,000	21,500	18,000	88,500
Pasir	13,800	8,400	10,200	32,400
JUMLAH METER PADU	1,660,459	1,302,777	1,116,466	4,079,702
JUMLAH KESELURUHAN METER PADU	1,749,836	1,385,638	1,165,470	4,300,944

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati PDTL tidak menetapkan sasaran pengeluaran bagi semua jenis bahan batuan menyebabkan prestasi pengeluaran bahan batuan berbanding sasaran tidak dapat ditentukan.
- d. Merujuk **Jadual 3**, kiraan 221,242 meter padu adalah berdasarkan kadar ketumpatan bahan (*rock density*) iaitu 2.614 yang digunakan oleh dua (2) pengusaha. Kadar ketumpatan sebanyak 2.614 ini tidak ditentukan oleh PDTL sebaliknya diterima pakai oleh PDTL berdasarkan laporan pengeluaran daripada dua (2) pengusaha tersebut. Mengikut pandangan Bahagian Teknikal Jabatan Audit Negara, kadar ini adalah dalam julat yang diterima pakai iaitu antara 2.3 hingga 2.7 bagi menentukan kadar *rock density*.

Maklum balas PDTL yang diterima pada 17 September 2019

Penurunan dan permintaan terhadap bahan batuan bergantung kepada pelaksanaan projek pembangunan pada tahun berkenaan. Ini kerana tiada projek-projek mega seperti pembinaan hotel, tambak laut dan jalan raya antara tahun-tahun tersebut.

Pada pendapat Audit, prestasi pengeluaran bahan batuan boleh diukur sekiranya PDTL menetapkan sasaran pengeluaran bahan batuan setiap tahun. Selain itu, jumlah kuantiti pengeluaran tidak dapat dinilai dengan tepat kerana penggunaan unit ukuran yang berbeza dengan unit ukuran yang diguna pakai dalam Aturan Tanah Kedah 1966.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

Kutipan royalti adalah berdasarkan kuantiti pengeluaran dan pemindahan bahan batuan seperti yang ditetapkan dalam Aturan Tanah Kedah 1966. Royalti pengeluaran bahan batuan menyumbang kepada salah satu hasil utama Kerajaan Negeri Kedah di mana sejumlah RM50.25 juta hasil telah dikutip dalam tempoh tahun 2016 hingga 2018. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

a. Kutipan Hasil Royalti Berbanding Sasaran

- i. Kutipan hasil royalti semasa pada tahun 2016 adalah berjumlah RM4.08 juta berbanding kutipan pada tahun 2017 hanya berjumlah RM2.22 juta, iaitu penurunan sejumlah RM1.86 juta. Pada tahun 2018 pula, berlaku peningkatan kutipan hasil royalti sejumlah RM0.95 juta berbanding tahun 2017 menjadi RM3.17 juta. Kutipan hasil royalti semasa pada tahun 2017 dan 2018 yang lebih rendah daripada tahun 2016 adalah disebabkan kuantiti

pengeluaran bahan batuan yang juga menunjukkan penurunan bagi kedua-dua tahun tersebut. Bagaimanapun, pada tahun 2018 merekodkan kutipan tunggakan tertinggi iaitu RM1.98 juta. Ini menjadikan kutipan keseluruhan yang direkodkan pada tahun 2018 berjumlah RM5.15 juta adalah yang tertinggi berbanding tahun 2016 dan 2017. Prestasi kutipan hasil royalti bahan batuan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PRESTASI KUTIPAN HASIL ROYALTI BAHAN BATUAN
BERBANDING SASARAN KUTIPAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	SASARAN KUTIPAN (RM Juta) (a)	PRESTASI HASIL			
		KUTIPAN SEMASA		KUTIPAN TUNGGAKAN (RM Juta) (c)	JUMLAH KUTIPAN KESELURUHAN (RM Juta) (b + c)
		(RM Juta) (b)	(%) (b/a x 100)		
2016	4.00	4.08	102.0	0.90	4.98
2017	4.30	2.22	51.6	1.23	3.45
2018	5.20	3.17	60.9	1.98	5.15
JUMLAH	13.50	9.47	70.1	4.11	13.58

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi

- ii. Seterusnya, pihak Audit telah membandingkan kutipan hasil royalti semasa dengan sasaran kutipan yang ditetapkan. Sasaran kutipan hasil royalti yang dicadangkan oleh PDTL bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 telah dikunci masuk ke dalam Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS). Merujuk **Jadual 4**, sasaran kutipan royalti bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 adalah berjumlah RM13.50 juta manakala kutipan sebenar (termasuk tunggakan) bagi tempoh berkenaan berjumlah RM13.58 juta. Adalah didapati prestasi kutipan hasil royalti (tidak termasuk tunggakan) bagi tahun 2016 adalah lebih tinggi berbanding sasaran, iaitu pada kadar 102% (RM4.08 juta). Bagaimanapun, prestasi kutipan tahun 2017 dan 2018 lebih rendah berbanding tahun 2016 iaitu masing-masing sebanyak 51.6% (RM2.22 juta) dan 60.9% (RM3.17 juta) berbanding 102% (RM4.08 juta).

b. Sumbangan Kepada Hasil Negeri

- i. Semakan Audit terhadap Laporan Hasil Royalti Pengeluaran Bahan Batuan daripada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah mendapati terimaan royalti tertinggi bagi pengeluaran bahan batuan adalah daripada PDTL berbanding 11 pejabat tanah lain di negeri Kedah. Kutipan hasil royalti PDTL bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 berjumlah RM13.58 juta atau

27% daripada keseluruhan kutipan hasil royalti Negeri Kedah yang berjumlah RM50.25 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PRESTASI KUTIPAN HASIL ROYALTI BAHAN BATUAN NEGERI KEDAH BERBANDING PEJABAT DAERAH DAN TANAH LANGKAWI BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	KUTIPAN ROYALTI		
	SELURUH NEGERI KEDAH (RM Juta)	PDTL	
		(RM Juta)	(%)
2016	17.31	4.98	28.8
2017	15.14	3.45	22.8
2018	17.80	5.15	28.9
JUMLAH	50.25	13.58	27.0

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah

c. Kadar Royalti yang Digunakan

- i. PDTL tidak mengikut unit ukuran yang ditetapkan oleh Aturan Tanah Kedah 1966, iaitu meter padu, sebaliknya PDTL menggunakan unit ukuran tan metrik bagi mengukur kuantiti pengeluaran bahan batuan jenis batu dan batu kapur. Sehubungan itu, royalti yang dikenakan oleh PDTL adalah berasaskan unit tan metrik, iaitu pada kadar RM1.50 per tan metrik untuk pengeluaran jenis batu dan RM1.13 per tan metrik bagi pengeluaran jenis batu kapur. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kadar yang ditetapkan oleh PDTL tersebut telah dipersetujui dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (MMK) atau telah diwartakan.
- ii. Berdasarkan kadar tan metrik yang ditetapkan oleh PDTL, sejumlah RM864,216 royalti jenis batu dan batu kapur telah dikutip bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 untuk 578,328 tan metrik pengeluaran. Semakan Audit mendapati pengeluaran bahan batuan sebanyak 578,328 tan metrik tersebut adalah bersamaan dengan 221,242 meter padu mengikut kadar ketumpatan bahan (*rock density*) 2.614 yang digunakan oleh dua (2) pengusaha. Berdasarkan kadar ketumpatan tersebut, jumlah kutipan royalti bahan batuan bagi jenis batu dan batu kapur mengikut kiraan Audit adalah berjumlah RM881,581. Ini menunjukkan kurangan kutipan hasil royalti batu


Kerugian PDTL

RM17,365

Tahun 2016 hingga 2018

Akibat daripada unit tan metrik yang digunakan pakai tidak mengikut unit ukuran yang ditetapkan oleh Aturan Tanah Kedah 1966.

dan batu kapur sejumlah RM17,365 seperti dalam **Jadual 6**. Pengiraan pihak Audit adalah berdasarkan formula seperti berikut:



JADUAL 6
KUTIPAN ROYALTI BATU DAN BATU KAPUR BERBANDING KIRAAN AUDIT
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

JENIS BAHAN BATUAN	PDTL			KIRAAN AUDIT			PERBEZAAN (RM) [b] – [c]
	KUANTITI (TAN METRIK) [a]	KADAR/TAN METRIK (RM)	KUTIPAN ROYALTI (RM) [b]	KUANTITI (METER PADU) [a] $\div 2.614$	KADAR ATK 1966/METER PADU (RM)	ROYALTI PATUT TERIMA (RM) [c]	
Batu	569,474	1.50	854,211	217,855	4.00	871,420	17,209
Batu Kapur	8,854	1.13	10,005	3,387	3.00	10,161	156
JUMLAH	578,328	-	864,216	221,242	-	881,581	17,365

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi dan Pengiraan Audit

Nota: Kiraan Audit berdasarkan kuantiti dalam tan metrik ditukar dalam meter padu dan berdasarkan kadar royalti bahan batuan jenis batu dan batu kapur yang ditetapkan dalam Aturan Tanah Kedah 1966

Maklum balas PDTL yang diterima pada 17 September 2019

Pada tahun 2016, permintaan agak tinggi kerana terdapat projek seperti pembinaan Hotel Park Royal dan penambakan laut Hotel St. Regis. Kutipan royalti bahan batuan setiap tahun bergantung kepada permintaan semasa sektor pembinaan. Bahan batuan yang dikeluarkan adalah untuk kegunaan Langkawi sahaja.

Pada pendapat Audit, pencapaian *outcome* pengeluaran bahan batuan daripada aspek sumbangan kepada hasil negeri adalah baik kerana PDTL


merupakan penyumbang tertinggi berbanding pejabat tanah dan daerah lain di Negeri Kedah. Namun begitu, prestasi kutipan hasil royalti bagi tahun 2017 dan 2018 adalah tidak memuaskan kerana kutipan sebenar hanya 51.6% dan 60.9% berbanding sasaran yang ditetapkan PDTL. Selain itu, berlaku kekurangan hasil sejumlah RM17,365 akibat daripada ketidakpatuhan penggunaan unit ukuran yang ditetapkan dalam Aturan Tanah Kedah 1966.

6.2. Pengurusan Aktiviti

6.2.1. Kelulusan dan Pelaksanaan Aktiviti Pengeluaran Bahan Batuan

Mengikut Seksyen 70 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mempunyai kuasa untuk membenarkan apa-apa pemindahan bahan batuan dan hendaklah mendapatkan kebenaran PBN bagi tujuan pemindahan bahan batuan. Proses kerja pengurusan pengeluaran bahan batuan di PDTL adalah seperti dalam **Carta 1**. Selain itu, Seksyen 425(1), Akta 56/1965 menyatakan mana-mana orang tanpa kelulusan yang sah memindahkan atau mengangkut bahan batuan dari mana-mana tanah adalah melakukan satu kesilapan. Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih dari setahun atau kedua-duanya sekali. Seksyen 426(2), Akta yang sama menyatakan bahawa mereka yang disabitkan kesalahan di bawah seksyen tersebut boleh diperintah membayar kepada PBN pampasan yang sama nilainya dengan bahan batuan yang dikeluarkan secara tidak sah berserta denda. Penemuan Audit terhadap kelulusan dan pelaksanaan aktiviti pengeluaran bahan batuan adalah seperti perenggan berikutnya.

CARTA 1
PROSES KERJA PENGURUSAN PENGETUARAN
BAHAN BATUAN DI PEJABAT DAERAH DAN TANAH LANGKAWI



Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi

a. Pengeluaran Bahan Batuan Tanpa Borang 4C (Permit 4C)

- Mengikut Seksyen 72(3) Akta 56/1965, tiap-tiap permit untuk mencabut dan memindah bahan batuan hendaklah menggunakan Borang 4C (Permit 4C). Permit 4C mengandungi maklumat mengenai nilai royalti, nama pemegang permit, kawasan pengeluaran, tempoh permit, kuantiti pengeluaran yang diluluskan, kadar bayaran mengikut unit kuantiti, syarat-syarat permit dan nombor siri buku doket.
- Pada tahun 2016, sebanyak 63 Permit 4C bagi pengeluaran tanah merah dan 20 Permit 4C bagi pengeluaran pasir telah dikeluarkan. Bagi tahun 2017 dan 2018, Permit 4C bagi pengeluaran tanah merah adalah masing-masing sebanyak 31 dan 15 serta bagi pengeluaran pasir masing-masing sebanyak 14 dan 16. Keseluruhananya, sebanyak 159 permit telah dikeluarkan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
PENGELUARAN PERMIT 4C DAN BILANGAN PENGUSAHA
TANAH MERAH DAN PASIR BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	TANAH MERAH		PASIR		JUMLAH PERMIT (KEPING)
	PERMIT (KEPING)	BILANGAN PENGUSAHA	PERMIT (KEPING)	BILANGAN PENGUSAHA	
2016	63	6	20	4	83
2017	31	9	14	2	45
2018	15	4	16	4	31
JUMLAH					159

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi

iii. Semakan Audit terhadap enam (6) pengusaha yang beroperasi dalam tempoh tahun 2016 hingga 2018 mendapati pengeluaran bahan batuan jenis batu, batu kapur dan tanah liat telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah. Hasil royalti yang telah diterima bagi tempoh tersebut berjumlah RM12.68 juta. Bagaimanapun, Permit 4C tidak dikeluarkan oleh Unit Bahan Batuan PDTL terhadap kesemua pengusaha tersebut. Temu bual dengan pegawai PDTL memaklumkan Permit 4C tidak dikeluarkan kerana PDTL tidak dapat menganggarkan jumlah pengeluaran batu, batu kapur dan tanah liat. Perkara ini menyebabkan had pengeluaran bahan batuan bagi kawasan tertentu tidak dikawal oleh PDTL dan boleh mengakibatkan risiko kepada kemusnahan ekosistem alam sekitar. Selain itu, kerajaan negeri juga berisiko kehilangan hasil kerana PDTL menerima hasil berdasarkan laporan pengeluaran pengusaha dan bukannya daripada kuantiti yang sepatutnya diluluskan dalam Permit 4C. Butiran lanjut pengusaha terlibat adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
SENARAI LOT PENGUSAHA BATU, BATU KAPUR
DAN TANAH LIAT YANG TIDAK DIKELUARKAN PERMIT 4C
DAN HASIL ROYALTI YANG DITERIMA BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL.	NO. LOT	KAWASAN	KELUASAN (EKAR)	JENIS BAHAN BATUAN	ROYALTI DITERIMA (RM)
1.	Kompartmen 11	Hutan Simpan Gunung Raya, Mukim Ulu Melaka	47	Batu	33,885
2.	Kompartmen 12	Hutan Simpan Gunung Raya, Mukim Ulu Melaka	60	Batu	278,335
3.	Lot 2476, Lot 2200, Lot 3059, Lot 2199, PT431, Lot 1704 dan Lot 1705	Bukit Lembu, Mukim Kedawang	13	Batu	483,103
4.	PT301	Telok Ewa, Mukim Air Hangat	674	Batu Kapur	10,980,292
5.	Lot 1669, Lot 2022 dan Sebahagian Kompartmen 17	Hutan Simpanan Kisap, Mukim Air Hangat	7	Batu Kapur	6,182
6.	Lot 1601, Lot 1602 dan Lot 1603	Kilim, Mukim Air Hangat	350	Tanah Liat	896,103
JUMLAH (RM)					12,677,900

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi

Maklum balas PDTL yang diterima pada 25 April 2019

Permit 4C tidak dapat dikeluarkan kerana PDTL tidak dapat menganggarkan jumlah pengeluaran batu, batu kapur dan tanah liat. Bayaran royalti diterima secara berkala berdasarkan berat timbangan yang dilaporkan oleh pengusaha.

Maklum balas PDTL yang diterima pada 17 September 2019

PDTL akan mengeluarkan Permit 4C mulai September 2019 berdasarkan pengiraan yang dibuat oleh PDTL.

Pada pendapat Audit, pengurusan pengeluaran Permit 4C tidak cekap kerana Permit 4C tidak dikeluarkan mengikut Akta 56/1965 bagi enam (6) pengusaha bahan batuan dari jenis batu, batu kapur dan tanah liat.

b. Kelulusan Pengeluaran Bahan Batuan Telah Tamat Tempoh

- i. Permohonan lanjutan hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah sebelum tamat tempoh pajakan. Seksyen 228, Akta 56/1965 menyatakan tuan punya tanah boleh memohon pada bila-bila masa dan tidak terikat dengan baki tempoh pajakan sedia ada. Selain itu, Seksyen 313(1)(a), Akta 56/1965 menyatakan Pendaftar boleh membatalkan memorial pendaftaran mana-mana pajakan yang telah tamat tempohnya.
- ii. Semakan Audit mendapati lima (5) pengusaha batu, batu kapur dan tanah liat telah diberi pajakan selama 30 tahun atas tanah kerajaan bagi perusahaan kuari pecah batu. Antara syarat nyata pajakan tersebut ialah tanah yang diberi hendaklah digunakan semata-mata bagi mengambil bahan batu mengikut tata atur yang telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPL). Bagaimanapun, sehingga tahun 2018, didapati tiga (3) daripada lima (5) pengusaha kuari tersebut telah tamat tempoh pajakan masing-masing pada tahun 2011, 2015 dan 2016. Perkara ini menunjukkan pengusaha telah menjalankan aktiviti walaupun telah tamat tempoh pajakan antara dua (2) hingga tujuh (7) tahun. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
LOT/KAWASAN BAGI PENGETAHUAN BATU
DAN TANAH LIAT YANG TELAH TAMAT TEMPOH PAJAKAN

BIL.	NO. LOT/KAWASAN	JENIS BAHAN BATUAN	TARIKH MULA PAJAKAN	TARIKH TAMAT PAJAKAN	MELEBIHI TEMPOH PAJAKAN SEHINGGA TAHUN 2018 (TAHUN)
1.	Sebahagian Kompartmen 17, Hutan Simpanan Kisap, Mukim Air Hangat	Batu	30 Oktober 1981	29 Oktober 2011	7
2.	Lot 1601, Lot 1602 dan Lot 1603 Kilim, Mukim Air Hangat	Tanah Liat	23 Julai 1985	24 Julai 2015	3
3.	PT301, Telok Ewa, Mukim Air Hangat	Batu	17 Mac 1986	16 Mac 2016	2

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi

- iii. Lawatan Audit pada 14 dan 16 Januari 2019 mendapati ketiga-tiga pengusaha tersebut masih menjalankan operasi pengeluaran bahan batuan walaupun tempoh pajakan perusahaan kuari telah tamat. Semakan Audit mendapati PDTL masih menerima pembayaran royalti daripada pengusaha tersebut berjumlah RM11.88 juta bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Semakan juga mendapati pengusaha bagi PT301, Telok Ewa, Mukim Air Hangat telah membuat permohonan melanjutkan tempoh pajakan pada 8 April 1999, iaitu sebelum tamat tempoh pajakan.
- iv. Keadaan ini berlaku disebabkan tiada semakan dan pemantauan oleh Unit Pendaftaran dan Unit Bahan Batuan, PDTL terhadap tanah pajakan yang telah tamat tempoh. Pajakan yang telah tamat tempoh menyebabkan berlaku penggunaan tanah secara tidak sah mengikut Seksyen 425, Akta 56/1965.

Tahun 2016 hingga 2018

RM11.88 juta

Royalti diterima daripada 3 pengusaha yang telah tamat tempoh pajakan.

Maklum balas PDTL yang diterima pada 25 April 2019

Unit Pelupusan PDTL telah menghantar surat kepada dua (2) pengusaha bertarikh 3 Mac 2019 bagi sebahagian Kompartmen 17, Hutan Simpanan Kisap dan 1 April 2019 bagi PT301, Telok Ewa, Mukim Air Hangat untuk proses permohonan semula tanah kerajaan.

Maklum balas PDTL yang diterima pada 17 September 2019

Satu (1) pengusaha bagi Lot 1601, Lot 1602 dan Lot 1603 Kilim, Mukim Air Hangat telah mengemukakan permohonan dan telah diangkat untuk pertimbangan PBN pada 18 Oktober 2018. PDTL telah menghantar surat bertarikh 28 Ogos 2019 untuk

mendapatkan komen Jabatan Teknikal bagi proses pengeluaran Borang 4B Kanun Tanah Negara. Selain itu, PDTL telah menghantar surat kepada PTG memaklumkan mengenai kesilapan sistem bagi tarikh tamat tempoh pajakan satu (1) pengusaha bagi PT301, Telok Ewa, Mukim Air Hangat. Sehingga kini, PDTL masih belum menerima maklum balas bagi perkara tersebut.

Pada pendapat Audit, pengurusan pajakan tanah bagi tujuan pengeluaran bahan batuan di PDTL adalah tidak cekap disebabkan tiada semakan dan pemantauan terhadap tanah pajakan yang telah tamat tempoh. Perkara ini menyebabkan berlaku aktiviti penggunaan tanah secara tidak sah.

c. Aktiviti Pengeluaran Bahan Batuan di Kawasan yang Tidak Diluluskan

- i. Lawatan Audit pada 13 dan 15 Januari 2019 mendapati aktiviti pengeluaran pasir yang beroperasi di Tematas, Mukim Ulu Melaka dan dua (2) di Paya Mempelam, Mukim Kedawang adalah di kawasan yang tidak diluluskan untuk pengeluaran bahan batuan. Semasa lawatan, didapati jentera dan peralatan untuk tujuan pengeluaran bahan batuan masih berada di kawasan tersebut. Semakan Audit selanjutnya terhadap daftar fail permohonan juga mendapati tiada sebarang permohonan dibuat oleh individu tersebut melibatkan mana-mana kawasan di Daerah Langkawi. Operasi pengeluaran pasir tanpa permohonan dan kelulusan adalah seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 4**.

GAMBAR 1



Tematas, Mukim Ulu Melaka
- Tapak Pengeluaran Pasir
(13.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Tematas, Mukim Ulu Melaka
- Jengkaut di Tapak Aktiviti
(13.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



Paya Mempelam, Mukim Kedawang
- Tapak Pengeluaran Pasir
(15.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Paya Mempelam, Mukim Kedawang
- Mesin Penyedut Pasir di Tapak Aktiviti
(15.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- ii. Semakan Audit terhadap Laporan Lawatan Pemantauan Penguatkuasaan Bahan Batuan oleh PTG yang dijalankan pada 5 dan 6 Mei 2018 serta 22 Disember 2018 mendapati aktiviti pengeluaran tanah merah tanpa kelulusan telah dilakukan di dua (2) kawasan. Kawasan terlibat ialah Lot 2466 dan Lot 2879, Bukit Lembu, Mukim Kedawang serta Lot 1669 dan laluan sungai di Tematas, Mukim Ulu Melaka. Lawatan Audit telah dilakukan di kawasan yang sama pada 15 dan 16 Januari 2019 dan mendapati aktiviti pengeluaran bahan batuan masih dijalankan. Selain itu, imej satelit ARSM bertarikh 7 Februari 2018 juga menunjukkan terdapat aktiviti guna tanah di kawasan tersebut. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 5** hingga **Gambar 9**.

GAMBAR 5




Lot 2466 dan Lot 2879, Bukit Lembu, Mukim Kedawang
- Kesan Pengeluaran Tanah Merah
(15.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



GAMBAR 7



Lot 2466 dan Lot 2879, Bukit Lembu, Mukim Kedawang
- Aktiviti Guna Tanah Berdasarkan Imej Satelit APRSM

- Aktiviti Guna Tanah Berdasarkan Imej Satelit ARSM (07.03.2018)

(07.02.2018)

(Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia)

GAMBAR 8



GAMBAR 9



Lot 1669 dan laluan sungai di Tematas, Mukim Ulu Melaka

- Pengeluaran Pasir Tanpa Kelulusan

Iran Rush Report
(16.01.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Keadaan ini berlaku kerana hanya tiga (3) pegawai PDTL diberi kuasa untuk menjalankan penguatkuasaan di bawah Seksyen 426A, Akta 56/1965 yang mana mereka juga tertakluk untuk menyelesaikan tugas-tugas hakiki yang lain.

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan terhadap aktiviti pengeluaran bahan batuan kurang cekap kerana aktiviti pengeluaran bahan batuan secara tidak sah masih berlaku bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018.

d. Pengeluaran Bahan Batuan Melebihi Lot yang Diluluskan

i. Lot 2190, Bukit Tekoh, Mukim Ulu Melaka

- Semakan Audit mendapati permohonan pengeluaran tanah merah telah diluluskan pada 10 September 2016 bagi kawasan Lot 2190, Bukit Tekoh, Mukim Ulu Melaka berkeluasan 2.08 ekar. Berdasarkan Laporan Am Tanah bertarikh 20 September 2017, pengeluaran tanah merah sebanyak 9,000 meter padu dan royalti sejumlah RM27,000 telah dibayar kepada PDTL. Selanjutnya, pihak Audit telah merujuk surat tuntutan royalti PDTL kepada pengusaha bertarikh 9 Oktober 2017. Surat tersebut menyatakan semasa pemeriksaan terhadap kerja penambunan tanah merah oleh pegawai PDTL di lokasi projek pembinaan Kompleks Perahu Layar, berlaku pengeluaran sebanyak 26,412 meter padu tanah merah yang melibatkan royalti berjumlah RM79,236. Hal ini menunjukkan wujud perbezaan kuantiti pengeluaran sebenar sebanyak 17,412 meter melibatkan royalti berjumlah RM52,236. Bagaimanapun, sehingga ke tarikh akhir pengauditan, tiada bayaran tambahan dibuat oleh pengusaha.
- Selanjutnya pihak Audit telah mendapatkan khidmat kepakaran ARSM berdasarkan imej satelit untuk mengesahkan sama ada kawasan pengeluaran bahan batuan diusahakan mengikut lot yang diluluskan. Imej tersebut menunjukkan anggaran keluasan telah melebihi lot diluluskan seluas 1.94 ekar. **Gambar 10** dan **Gambar 11** menunjukkan kawasan pengeluaran bahan batuan melebihi lot yang diluluskan.

GAMBAR 10



Lot 2190 Bukit Tekoh, Mukim Ulu Melaka
-Plot Merah Adalah Lot yang Diluluskan Pengeluaran Bahan Batuan Berdasarkan Imej Satelit ARSM
(10.12.2017)

(Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia)

GAMBAR 11



Lot 2190 Bukit Tekoh, Mukim Ulu Melaka
-Plot Merah Adalah Lot yang Diluluskan dan Plot Oren Adalah Kawasan yang Melebihi Lot Berdasarkan Imej Satelit ARSM
(07.02.2018)

(Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia)

ii. Lot 439, Lot 440 dan Lot 1764, Batu Hampar, Mukim Kuah

- Semakan Audit mendapati permohonan pengeluaran tanah merah di Lot 439, Lot 440 dan Lot 1764, Batu Hampar, Mukim Kuah telah diluluskan masing-masing pada 10 Jun 2013, 24 Mac 2014 dan 24 Julai 2014. Ketiga-tiga lot tersebut adalah seluas 15 ekar. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, sebanyak 51 Permit 4C telah diluluskan dengan kuantiti sebanyak 25,500 meter padu. Royalti pengeluaran tanah merah bagi tempoh tahun tersebut adalah berjumlah RM76,500. Bagaimanapun, berdasarkan imej satelit ARSM, didapati berlaku pengeluaran tanah merah melebihi lot yang diluluskan. Imej tersebut menunjukkan anggaran keluasan yang telah melebihi lot adalah seluas 1.92 ekar seperti dalam **Gambar 12** dan **Gambar 13**.

GAMBAR 12



Lot 439, Lot 440 dan Lot 1764 Batu Hampar,
Mukim Kuah

-Plot Merah Adalah Lot yang Diluluskan Pengeluaran Bahan
Batu Berdasarkan Imej Satelit ARSM
(09.01.2016)

(Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia)

GAMBAR 13



Lot 439, Lot 440 dan Lot 1764 Batu Hampar,
Mukim Kuah

-Plot Merah Adalah Lot yang Diluluskan dan Plot Oren Adalah
Kawasan yang Melebihi Lot Berdasarkan Imej Satelit ARSM
(07.02.2018)

(Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia)

iii. PT 431, Lot 1704, Lot 1705, Lot 2199, Lot 2200, Lot 2476 dan Lot 3059 di Mukim Kedawang

- Permohonan pengeluaran batu dan tanah merah telah diluluskan kepada sebuah syarikat pada 20 September 2010 bagi PT 431, Lot 2199, Lot 2200, Lot 2476 dan Lot 3059. Lot 1704 dan Lot 1705 di Mukim Kedawang pula telah diluluskan pada 19 Oktober 2016. Keseluruhan lot yang diluluskan adalah seluas 18 ekar. Sebanyak 120,756 meter padu

batu dan 2,000 meter padu tanah merah telah dikeluarkan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Royalti pengeluaran batu dan tanah merah masing-masing berjumlah RM483,024 dan RM6,000. Bagaimanapun, pengeluaran sebenar bahan batuan tidak dapat dikenal pasti oleh pihak Audit kerana tiada data ketumpatan tanah yang diselenggarakan oleh PDTL sebelum dan selepas pengeluaran diperoleh. Berdasarkan imej satelit ARSM bertarikh 9 Januari 2016 dan 7 Februari 2018, didapati berlaku pengeluaran bahan batuan melebihi lot yang diluluskan. Imej pada 9 Januari 2016 dan 7 Februari 2018 menunjukkan anggaran keluasan yang telah melebihi lot masing-masing adalah seluas 9.14 ekar dan 4.12 ekar seperti dalam **Gambar 14** dan **Gambar 15**.

GAMBAR 14



Bukit Lembu, Mukim Kedawang
- Plot Merah Adalah Lot yang Diluluskan dan Plot Oren Adalah Kawasan yang Melebihi Lot
Berdasarkan Imej Satelit ARSM
(09.01.2016)
(Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia)

GAMBAR 15



Bukit Lembu, Mukim Kedawang
- Plot Merah Adalah Lot yang Diluluskan dan Plot Oren Adalah Kawasan yang Melebihi Lot
Berdasarkan Imej Satelit ARSM
(07.02.2018)
(Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia)

- Keadaan ini berlaku disebabkan PDTL tidak membuat pemantauan dan penguatkuasaan terhadap syarat permit yang ditetapkan. Ketidakpatuhan ini menyebabkan berlaku pencerobohan terhadap tanah-tanah hak milik persendirian yang tiada kelulusan pengeluaran bahan batuan dan risiko tanah runtuh.

Maklum balas PDTL yang diterima pada 25 April 2019

Bagi pengusaha Lot 2190, Bukit Tekoh, Mukim Ulu Melaka, surat susulan bertarikh 28 Mac 2019 telah dikemukakan untuk menuntut royalti yang terkurang bayar. Sekiranya bayaran tidak dijelaskan pengusaha tersebut akan

disenarai hitam untuk permohonan berikutnya. Sekiranya masih gagal tindakan undang-undang akan diambil. Bagi pengusaha Lot 439, Lot 440 dan Lot 1764, Batu Hampar, Mukim Kuah, PDTL akan memastikan penandaan kawasan dibuat bagi mengelakkan pengeluaran bahan batuan melebihi lot daripada berulang. Manakala, bagi pengusaha kawasan PT431, Lot 1704, Lot 1705, Lot 2199, Lot 2200, Lot 2476 dan Lot 3059 di Mukim Kedawang, PDTL akan membuat penguatkuasaan dan sekiranya perlu tindakan rampasan deposit dan penandaan semula akan dibuat.

Maklum balas PDTL yang diterima pada 17 September 2019

PDTL telah menghantar surat bertarikh 9 Julai 2019 kepada pengusaha bagi PT431, Lot 1704, Lot 1705, Lot 2199, Lot 2200, Lot 2476 dan Lot 3059 di Mukim Kedawang untuk memaklumkan dan mendapatkan maklum balas berkaitan pengeluaran bahan batuan yang melebihi lot yang diluluskan.

Pada pendapat Audit, pengeluaran bahan batuan melebihi kawasan lot yang diluluskan menunjukkan ketidakcekapan PDTL dalam menjalankan penguatkuasaan dan pemantauan.

e. Zon Penampang Tidak Disediakan

- i. Syarat-Syarat Permit yang dilampirkan bersama-sama surat kelulusan oleh PDTL kepada pengusaha menjelaskan mengenai keperluan zon penampang seperti berikut:
 - Perkara 24 – pengusaha dilarang menjalankan aktiviti pengorekkan dan pemindahan tanah merah serta pasir dalam lingkungan 30 kaki daripada perenggan tanah yang diluluskan untuk pengeluaran, kecuali mendapat persetujuan tuan tanah bagi lot yang berkembar dan dibenarkan oleh Pentadbir Tanah Daerah.
 - Perkara 14 – permit akan dibatalkan sekiranya pengusaha melanggar syarat permit yang ditetapkan.
 - Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan juga menetapkan syarat, iaitu kerja-kerja pengorekkan kuari pasir dan tanah merah, tidak terlalu dekat dengan sempadan lot bersebelahan, sekurang-kurangnya

30 kaki daripada sekeliling sempadan lot supaya tidak mendatangkan runtuhan/hakisan kepada tanah bersebelahan.

- ii. Hasil lawatan Audit pada 15 Januari 2019 mendapati zon penampan tidak disediakan di Lot 1986, Lot 2370 dan Lot 595, Mukim Kedawang mengikut syarat-syarat permit. Keadaan ini berlaku disebabkan tiada tindakan penguatkuasaan diambil terhadap pengusaha yang melanggar syarat permit, iaitu larangan mengorek atau membawa pindah tanah merah dalam lingkungan 30 kaki dengan perenggan tanah. Ketidakpatuhan ini menyebabkan berlaku pencerobohan terhadap tanah-tanah bersebelahan dan risiko tanah runtuh. Lot yang tidak dibuat zon penampan adalah seperti dalam **Gambar 16** hingga **Gambar 21**.

GAMBAR 16



Lot 1986, Paya Mempelam, Mukim Kedawang
- Tiada Zon Penampan
(15.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 17



Lot 1986, Paya Mempelam, Mukim Kedawang
-Imej Kawasan Pengeluaran Tanah Merah yang
Tiada Zon Penampan Berdasarkan Imej Satelit ARSM
(Plot Merah Adalah Lot yang Diluluskan)
(07.02.2018)
(Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia)

GAMBAR 18



Lot 2370, Bukit Lembu, Mukim Kedawang
- Tiada Zon Penampang
(15.01.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)


GAMBAR 19



Lot 2370, Bukit Lembu, Mukim Kedawang
-Imej Kawasan Pengeluaran Tanah Merah Yang Tiada
Zon Penampang Berdasarkan Imej Satelit ARSM
(Plot Merah Adalah Lot yang Diluluskan)
(07.02.2018)

(Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia)

GAMBAR 20



Lot 595, Paya Mempelam, Mukim Kedawang
- Tiada Zon Penampang
(15.01.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 21



Lot 595, Paya Mempelam, Mukim Kedawang
-Imej Kawasan Pengeluaran Pasir yang Tiada
Zon Penampang Berdasarkan Imej Satelit ARSM
(Plot Kuning Adalah Lot yang Diluluskan)
(12.01.2019)

(Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia)

Maklum balas PDTL yang diterima pada 25 April 2019

PDTL akan mengenal pasti pengusaha tersebut dan sekiranya perlu, kawasan yang telah dikorek hendaklah ditimbus semula. PDTL juga akan menetapkan zon penampaman mengikut ulasan jabatan teknikal selepas ini.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap zon penampaman tidak cekap kerana tindakan membatalkan permit tidak dibuat terhadap pengusaha yang tidak mematuhi syarat permit.

f. Buku Doket dan Penyata Pengeluaran Bahan Batuan Tidak Dikemukakan

- i. Para 3.11 Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah Darul Aman Bilangan 1 Tahun 2016 menyatakan pemegang permit atau pengusaha yang gagal menyerahkan buku doket berserta penyata ke pejabat tanah daerah tidak dibenarkan mengambil buku doket baru jika buku doket telah mencapai 10 buah. Para 4.4 pekeliling tersebut juga menyatakan kehilangan setiap buku doket atau kegagalan mengemukakan buku doket yang telah digunakan kepada pejabat tanah daerah berserta penyata akan dikenakan tindakan merampas deposit sejumlah RM3,000 bagi pasir dan sejumlah RM1,500 bagi tanah merah. Selain itu, Perkara 13 dan 15, Syarat-Syarat Bagi Lesen Membawa Pindah Bahan Batuan pula menetapkan buku doket yang telah habis diguna mestilah diserahkan kepada Pentadbir Tanah Daerah. Pemegang permit mestilah menghantar satu salinan yang sah penyata bulanan perusahaanya yang menunjukkan pengeluaran bahan batu yang dibawa keluar.
- ii. Semakan Audit mendapati 119 (54.1%) daripada 220 buku doket yang telah dikeluarkan kepada 14 pengusaha telah gagal dikemukakan bersama-sama Penyata Pengeluaran Bahan Batuan kepada PDTL selepas tamat tempoh Permit 4C. Sehingga tarikh akhir pengauditan, tiada tindakan dikenakan terhadap pengusaha untuk merampas deposit sejumlah RM3,000 bagi pasir dan sejumlah RM1,500 bagi tanah merah oleh Unit Bahan Batuan PDTL seperti kehendak Para 4.4 Pekeliling PTG.
- iii. Perkara ini berlaku kerana unit tersebut tidak menyediakan daftar atau laporan berkala bagi memantau pengeluaran bahan batuan dan pemulangan buku doket tersebut. Kegagalan mengemukakan Buku Doket dan Penyata

Pengeluaran Bahan Batuan yang telah digunakan boleh menyebabkan buku doket tersebut disalah guna. Semakan terhadap dokumen tersebut juga tidak dapat dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
BILANGAN BUKU DOKET DAN PENYATA PENGELUARAN
BAHAN BATUAN TIDAK DIKEMUKAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	BILANGAN BUKU DOKET YANG DIKELUARKAN	BILANGAN YANG TIDAK DIKEMUKAKAN	
		BUKU DOKET	PENYATA PENGELUARAN BAHAN BATUAN
2016	112	51	51
2017	54	31	31
2018	54	37	37
JUMLAH	220	119	119

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi

Maklum balas PDTL yang diterima pada 17 September 2019

PDTL telah mengambil tindakan bagi memastikan pengusaha memulangkan buku doket dan penyata pengeluaran.

Pada pendapat Audit, kawalan terhadap buku doket dan penyata pengeluaran bahan batuan kurang cekap. Hal ini kerana pemantauan yang lemah dan tiada sebarang rekod menunjukkan kawalan terhadap pemulangan buku doket dan penyata pengeluaran dilaksanakan oleh PDTL. Di samping itu, tindakan penguatkuasaan seperti merampas deposit tidak diambil.

6.2.2. Pengurusan Hasil

a. Tuggakan Hasil Royalti Pengeluaran Bahan Batuan

Arahan Perbendaharaan 89A menetapkan tiap-tiap Pegawai Pengawal hendaklah menyelenggara dan melaporkan Akaun Belum Terima mengikut Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa. Berdasarkan Para 2, Syarat-Syarat Permit menyatakan tuan tanah hendaklah membayar royalti kepada pemungut hasil tanah Langkawi menurut kadar Aturan Tanah Kedah 1966 apabila genap tiap-tiap suku tahun, iaitu tidak lewat daripada hari yang ketujuh dalam bulan yang berikut. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- i. PDTL mempunyai hasil royalti bahan batuan tertinggi berbanding daerah lain di negeri Kedah. Namun begitu, masih terdapat tunggakan berjumlah

RM803,782 yang tidak diterima bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 untuk pengeluaran bahan batuan jenis batu, batu kapur dan tanah liat.

- ii. Analisis Audit mendapati PDTL hanya menerima tunggakan hasil royalti bahan batuan tahun 2016 berjumlah RM1.27 juta pada tahun 2017 dan 2018 iaitu masing-masing berjumlah RM1.22 juta dan RM21,792. Sehingga 7 Januari 2019, baki tunggakan berjumlah RM24,891 masih belum diterima. Tunggakan royalti bahan batuan pada tahun 2017 pula yang berjumlah RM2 juta telah diterima pada tahun 2018 sejumlah RM1.94 juta dan sehingga 7 Januari 2019, sejumlah RM60,088 masih belum diterima. Pada tahun 2018, tunggakan royalti bahan batuan berjumlah RM0.72 juta masih belum diterima sehingga 7 Januari 2019. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada sebarang surat peringatan dikeluarkan oleh PDTL kepada pengusaha berkenaan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
TUNGGAKAN HASIL ROYALTI BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 7 JANUARI 2019

TAHUN	TUNGGAKAN (RM)	TAHUN DITERIMA (RM)		BAKI BELUM DITERIMA SEHINGGA 7 JANUARI 2019 (RM)
		2017	2018	
2016	1,265,510	1,218,827	21,792	24,891
2017	2,003,207	0	1,943,119	60,088
2018	718,803	0	0	718,803
JUMLAH (RM)	3,987,520	1,218,827	1,964,911	803,782

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi

- iii. Temu bual bersama pegawai PDTL mendapati tiada sebarang daftar terimaan hasil royalti disediakan bagi tujuan kawalan bayaran royalti oleh setiap pengusaha. Tunggakan hasil royalti setiap tahun menyebabkan Kerajaan Negeri Kedah mengalami kekurangan hasil tahun semasa.

Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran royalti PDTL kurang cekap kerana bayaran royalti oleh pengusaha lewat diterima melebihi tempoh yang ditetapkan dan seterusnya menjadi tunggakan. Selain itu, PDTL tidak mempunyai kawalan dalaman terhadap pengurusan hasil royalti.

b. Pematuhan Terhadap Kadar yang Diwartakan

i. Kelulusan Jenis Pengeluaran Bahan Batuan dan Kadar Royalti yang Dikenakan Berbeza dengan Jenis Pengeluaran Sebenar

Pengusaha adalah dikehendaki membayar royalti bahan batuan di bawah Aturan Tanah Kedah 1966 sebagai kebenaran oleh PBN membenarkan pencabutan, pemindahan dan pengangkutan apa-apa bahan batuan. Asas pengiraan royalti adalah berdasarkan kadar yang telah ditetapkan dalam Aturan Tanah Kedah 1966. Kadar royalti berkuat kuasa pada 1 Januari 2016 yang melibatkan PDTL adalah RM3.00 bagi jenis tanah merah, tanah liat dan batu kapur manakala RM4.00 bagi jenis batu. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- Pada 23 Julai 1985, sebuah badan berkanun negeri telah diluluskan untuk pengeluaran tanah liat bagi Lot 1601, 1602 dan 1603, Kilim, Mukim Air Hangat dengan melantik sebuah syarikat sebagai operator pengeluaran. Semakan Audit terhadap penyata pengeluaran syarikat bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 mendapati pengeluaran tanah liat adalah sebanyak 298,705 meter padu dan bayaran royalti berjumlah RM0.89 juta. Pengeluaran tanah liat ini hanya melibatkan Lot 1603, Kilim, Mukim Air Hangat manakala tiada aktiviti pengeluaran di Lot 1601 dan Lot 1602 Kilim, Mukim Air Hangat dalam tempoh tahun tersebut. Pembayaran royalti telah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan, iaitu RM3.00 per meter padu. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
KUTIPAN ROYALTI BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	METER PADU (a)	ROYALTI YANG DIKUTIP [(a) X RM3.00] (RM)
2016	160,651	481,953
2017	97,038	291,114
2018	41,016	123,048
JUMLAH	298,705	896,115

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi

- Seterusnya, pihak Audit telah mengadakan lawatan di Lot 1603, Kilim, Mukim Air Hangat pada 14 Januari 2019. Hasil lawatan di lot tersebut mendapati berlaku pengeluaran batu dan bukan tanah liat serta terdapat kesan pengeluaran tanah merah seperti dalam **Gambar 22** dan **Gambar 23**.

GAMBAR 22



Lot 1603, Kilim, Mukim Air Hangat
- Pengeluaran Batu
(14.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 23



Lot 1603, Kilim, Mukim Air Hangat
- Kesan Pengeluaran Tanah Merah
(14.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Pihak Audit telah mendapatkan khidmat kepakaran daripada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) untuk mengenal pasti jenis bahan batuan yang dikeluarkan di lot tersebut. Jabatan tersebut telah mengesahkan bahan batuan di Lot 1603, Kilim, Mukim Air Hangat adalah jenis batu lumpur, batu syal, tanah merah beralumina dan bauksit. Pihak Audit juga telah mendapatkan khidmat kepakaran ARSM untuk mengenal pasti aktiviti pengeluaran bahan batuan di lot tersebut. Berdasarkan imej satelit ARSM menunjukkan terdapat aktiviti pengeluaran bahan batuan di lot tersebut. Imej yang menunjukkan kawasan aktiviti pengeluaran bahan batuan semakin meluas dan telah beroperasi bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 seperti dalam **Gambar 24** dan **Gambar 25**.

GAMBAR 24



Lot 1603, Kilim, Mukim Air Hangat
-Imej Kawasan Pengeluaran Batu Lumpur, Batu Syal,
Tanah Merah Beralumina dan Bauksit
Berdasarkan Imej Satelit ARSM
(09.01.2016)
(Sumber: Jabatan Mineral dan Geosains dan
Agenzia Remote Sensing Malaysia)

GAMBAR 25



Lot 1603, Kilim, Mukim Air Hangat
-Imej Kawasan Pengeluaran Batu Lumpur, Batu Syal,
Tanah Merah Beralumina dan Bauksit
Berdasarkan Imej Satelit ARSM
(07.02.2018)
(Sumber: Jabatan Mineral dan Geosains dan
Agenzia Remote Sensing Malaysia)

- Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada kelulusan diberikan kepada Badan Berkanun Negeri tersebut bagi pengeluaran batu. Mengikut Aturan Tanah Kedah 1966, kadar yang ditetapkan bagi pengeluaran batu adalah RM4.00 per meter padu dan RM3.00 per meter padu bagi tanah liat. Berdasarkan kadar yang ditetapkan ini, bayaran royalti yang patut diterima adalah berjumlah RM1.19 juta berbanding RM0.89 juta yang telah diterima oleh PDTL. Perkara ini berlaku kerana perbezaan kadar royalti yang diterima oleh PDTL sejumlah RM1.00 per meter padu, menyebabkan kurangan kutipan berjumlah RM298,705 seperti dalam **Jadual 13**.

Kurangan royalti dikutip bagi tahun 2016 hingga 2018.

RM298,705

JADUAL 13
KURANGAN KUTIPAN ROYALTI BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	METER PADU (a)	ROYALTI YANG DIKUTIP [(a) X RM3.00] (RM)	ROYALTI YANG PATUT DIKUTIP [(a) X RM4.00] (RM)	KURANGAN (RM)
2016	160,651	481,953	642,604	160,651
2017	97,038	291,114	388,152	97,038
2018	41,016	123,048	164,064	41,016
JUMLAH	298,705	896,115	1,194,820	298,705

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi

Maklum balas PDTL yang diterima pada 25 April 2019

PDTL akan mengutip semula bayaran yang terkurang kutip berdasarkan penyata yang telah diberikan oleh syarikat operator pengeluaran.

Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap kadar yang diwartakan tidak memuaskan kerana kelulusan pengeluaran bahan batuan yang diberi berbeza dengan jenis pengeluaran sebenar. Ini menyebabkan kadar yang dikenakan tidak tepat dan hasil royalti terkurang kutip.

c. Deposit Terkurang Kutip

- i. Seksyen 74, Akta 56/1965 antara lain menyatakan PBN boleh mengarahkan orang atau badan yang kepadanya permit bahan batuan dikeluarkan untuk mendeposit sejumlah wang yang difikirkannya munasabah sebagai sekuriti. Deposit merupakan jaminan terhadap pelaksanaan dan pematuhan syarat-syarat permit dan pemulihan tanah apabila permit ditamatkan.

- ii. Perkara 1, Syarat-Syarat Permit menyatakan pemegang permit hendaklah membayar wang pertaruhan sebanyak yang ditetapkan oleh Pentadbir Tanah Daerah sebagai jaminan untuk memelihara jalan atau tebing sungai yang dirosakkan akibat daripada pengambilan dan pengeluaran bahan batuan, juga merupakan jaminan bagi pembayaran cukai royalti. Berdasarkan Aturan Tanah Kedah 1966, pertaruhan (deposit) mengambil dan mengeluarkan bahan batuan yang diguna pakai oleh PDTL adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
KADAR DEPOSIT MENGIKUT TARikh KUAT KUASA

TARIKH KUAT KUASA	JENIS BAHAN BATUAN		KADAR DEPOSIT (RM)
Sehingga 31 Disember 2015	Semua jenis bahan batuan		10,000
Mulai 1 Januari 2016	Semua jenis bahan batuan		100,000
Mulai 11 Mei 2017	a. Pasir Darat	i. Bagi keluasan tiga (3) ekar dan ke bawah	15,000
		ii. Bagi setiap tambahan satu (1) ekar	Dikenakan deposit tambahan RM10,000/ekar
	b. Tanah/Tanah Merah	i. Keluasan tiga (3) ekar dan ke bawah	15,000
		ii. Bagi setiap tambahan satu (1) ekar	Dikenakan deposit tambahan RM5,000/ekar
	c. Kapor tohor dan batu kapor, batu besar, batu kelikir, gentian		40,000

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi

- iii. Semakan Audit mendapati kadar deposit yang dikenakan kepada pengusaha di 10 kawasan tidak mengikut kadar yang ditetapkan. Deposit yang sepatutnya dikutip adalah berjumlah RM340,000 bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Bagaimanapun, deposit yang dikutip berjumlah RM90,000 sahaja. Deposit terkurang kutip bagi 10 pengusaha tersebut antara RM5,000 hingga RM90,000 dengan jumlah keseluruhan adalah RM250,000. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
SENARAI PEMBAYAR DEPOSIT BAHAN BATUAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL.	NO. LOT/KAWASAN	JENIS BAHAN BATUAN	KELUASAN (EKAR)	TARIKH KELULUSAN	TARIKH BAYARAN DEPOSIT	JUMLAH DEPOSIT (RM)		
						SEPATUTNYA DIKUTIP	JUMLAH DIKUTIP	TERKURANG KUTIP
1.	Lot 1564, Bukit Temin, Mukim Ulu Melaka	Tanah Merah	4.20	06.01.2016	01.02.2016	100,000	10,000	90,000
2.	Lot 955, Kubang Arang, Mukim Bohor	Pasir	6	04.04.2017	12.04.2017	45,000	5,000	40,000
3.	Lot 913 dan Lot 899, Lubuk Buaya, Mukim Kedawang	Pasir	6	04.04.2017	04.12.2017	45,000	5,000	40,000

BIL.	NO. LOT/KAWASAN	JENIS BAHAN BATUAN	KELUASAN (EKAR)	TARIKH KELULUSAN	TARIKH BAYARAN DEPOSIT	JUMLAH DEPOSIT (RM)		
						SEPATUTNYA DIKUTIP	JUMLAH DIKUTIP	TERKURANG KUTIP
4.	PT 2403, Bukit Temin, Mukim Ulu Melaka	Tanah Merah	1.28	18.06.2017	21.06.2017	15,000	10,000	5,000
5.	Lot 1421, Bukit Tekoh, Mukim Kuah	Tanah Merah	3.22	30.08.2017	05.10.2017	15,000	10,000	5,000
6.	Lot 5013, Lubuk Chempedak, Mukim Kuah	Pasir	3.11	11.09.2017	17.09.2017	15,000	10,000	5,000
7.	Lot 1953, Paya Mempelam, Mukim Kedawang	Pasir	2.42	15.10.2017	17.10.2017	15,000	10,000	5,000
8.	Lot 1986, Paya Mempelam, Mukim Kedawang	Pasir	1	15.10.2017	18.01.2018	15,000	10,000	5,000
9.	Lot 7, Bandar Padang Matsirat	Pasir	6.57	28.12.2017	03.01.2018	45,000	10,000	35,000
10.	PT 1292, Felcra In Situ, Mukim Padang Matsirat	Tanah Merah	6	04.04.2018	30.09.2018	30,000	10,000	20,000
JUMLAH (RM)						340,000	90,000	250,000

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi

- iv. Berdasarkan temu bual dengan pegawai PDTL, deposit yang dikenakan kepada pengusaha tidak mengikut kadar yang ditetapkan dalam Aturan Tanah Kedah 1966 kerana mengambil kira kemampuan pengusaha untuk membayar deposit. Hal ini juga bertujuan untuk mengurangkan risiko berlaku peningkatan aktiviti pengeluaran bahan batuan tanpa kelulusan. Deposit yang terkurang kutip menyebabkan PDTL terpaksa menanggung risiko perbelanjaan pemuliharan tanah yang tinggi sekiranya pengusaha gagal membaik pulih kawasan yang telah dikorek selepas pengusaha berhenti beroperasi.

Maklum balas PDTL yang diterima pada 25 April 2019

Perkara ini disebabkan perubahan keputusan kerajaan berkaitan deposit yang telah diputuskan dalam MMK, di mana ianya telah menaikkan deposit bagi kuari pasir adalah sejumlah RM100,000. Ini menyebabkan berlakunya kecurian pasir yang mana pengusaha-pengusaha kuari tidak mampu untuk membayar deposit yang terlalu tinggi memandangkan kuari yang diusahakan adalah bersaiz kecil. PDTL akan mengambil tindakan dengan menuntut daripada pengusaha kuari jumlah deposit yang terkurang kutip.

Pada pendapat Audit, kutipan deposit adalah kurang cekap kerana tidak mengikut kadar yang ditetapkan dalam Aturan Tanah Kedah 1966.

6.2.3. Pemantauan dan Penguatkuasaan

Seksyen 425(1)(c), Akta 56/1965 menyatakan mana-mana orang yang tanpa kebenaran yang sah memotong atau memindah apa-apa kayuan atau hasil atas atau dari tanah sedemikian, adalah melakukan suatu kesalahan. Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun. Seksyen 426, Akta 56/1965 menyatakan mana-mana orang yang, tanpa kebenaran yang sah, mencabut, memindah atau mengangkut atau membenarkan pencabutan, pemindahan atau pengangkutan bahan batuan dari mana-mana tanah adalah melakukan suatu kesalahan. Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi lima (5) tahun, atau kedua-duanya. Semakan Audit bagi aspek pemantauan dan penguatkuasaan mendapati perkara seperti berikut:

a. Laporan Pemantauan Tidak Disediakan

Semakan Audit mendapati Unit Penguatkuasaan dan Teknikal, PDTL ada menyediakan jadual pemantauan pengurusan bahan batuan setiap bulan. Bagaimanapun, tiada laporan disediakan hasil daripada pemantauan yang dijalankan. Laporan hanya disediakan oleh Penolong Pegawai Tanah yang bertugas bagi kes-kes aduan yang diterima dan memerlukan tindakan lanjut oleh pegawai yang telah diberi kuasa di bawah Seksyen 426A(1)¹, Akta 56/1965. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati PDTL tidak menyediakan daftar untuk merekod aduan yang diterima bagi memudahkan pemantauan dan penguatkuasaan dibuat. Ini menyebabkan pihak PDTL tidak dapat mengesahkan status tindakan terhadap aduan diterima.

Maklum balas PDTL yang diterima pada 17 September 2019

Unit Teknikal PDTL hanya menyediakan laporan ketika berlaku kes-kes aduan yang diterima dan memerlukan tindakan lanjut pegawai atasan. Tindakan terhadap kes-kes tersebut didaftarkan dalam fail aduan dan direkod nombor rujukan fail. PDTL akan mengambil maklum dan tindakan berkaitan hal ini akan memudahkan pemantauan bagi aduan yang diterima. PDTL telah menyediakan laporan harian pemantauan tetapi tertakluk kepada tugas-tugasan lain yang lebih utama kerana kekangan Penolong Pegawai Tanah yang amat terhad.

¹ Merujuk kepada pegawai yang diberi kuasa oleh PBN untuk menahan tanpa waran orang-orang yang dijumpai melakukan atau bersubahat, merampas jentera atau peralatan, memusnah, membinasa mana-mana bangunan, atau mengambil milik apa-apa tanaman atas nama PBN.

b. Tindakan Penguatkuasaan Tidak Dilaksanakan oleh PTG dan PDTL di Daerah Langkawi

- i. Semakan Audit di PTG mendapati Jadual Bertugas Pengawasan dan Pemeriksaan Bahan Batuan bagi tempoh tahun 2016 hingga Julai 2018 ada disediakan secara berkala mengikut perincian tugas. Jadual tersebut antara lain mengandungi arahan bertugas mengikut kumpulan, jadual rondaan mengikut zon dan arahan khas bertugas pada hari Sabtu. Pengawasan dan pemeriksaan secara berkala ada dijadualkan bagi daerah lain tetapi tidak termasuk Daerah Langkawi. Pengawasan dan pemeriksaan tersebut dibahagikan kepada tiga (3) zon seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PEMBAHAGIAN ZON BAGI
PENGAWASAN DAN PEMERIKSAAN SECARA BERKALA

ZON	KAWASAN LIPUTAN (DAERAH)	AHLI KUMPULAN
1	Bandar Baharu, Kulim dan Baling	Bertukar ganti berdasarkan Arahan Bertugas
2	Yan, Kuala Muda dan Sik	
3	Kota Setar, Pokok Sena, Padang Terap dan Kubang Pasu	

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kedah

- ii. Bagaimanapun, mulai Ogos 2018, jadual pengawasan dan pemeriksaan bahan batuan dibahagikan kepada dua (2) zon dan merangkumi Daerah Langkawi seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PEMBAHAGIAN ZON BAGI
PENGAWASAN DAN PEMERIKSAAN SECARA BERKALA

ZON	KAWASAN LIPUTAN (DAERAH)	AHLI KUMPULAN
A	Langkawi, Kota Setar, Pokok Sena, Padang Terap, Kubang Pasu, Pendang dan Sik	Bertukar ganti berdasarkan Arahan Bertugas
B	Yan, Kuala Muda, Baling Kulim dan Bandar Baharu	

Sumber: Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kedah

- iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati PTG telah menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bahan batuan di Daerah Langkawi pada 21 dan 22 Februari 2017 serta 5 dan 6 Mei 2018, walaupun pemantauan berkala di daerah tersebut tidak dijadualkan. Pemeriksaan merangkumi pematuhan terhadap syarat kelulusan permit bahan batuan dan pemantauan terhadap aktiviti pengeluaran bahan batuan tanpa kelulusan. Laporan pemeriksaan dan pemantauan telah disediakan oleh pegawai bertugas dan dikemukakan kepada PDTL untuk tindakan lanjut. Bagaimanapun, tiada tindakan penguatkuasaan oleh PDTL terhadap kes pengeluaran bahan batuan tanpa

kelulusan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 425 dan 426 Akta 56/1965.

- iv. Selain itu, temu bual dengan pegawai PDTL pula menyatakan pemantauan dan penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana tiada kenderaan yang dikhaskan untuk Unit Penguatkuasaan dan Teknikal, PDTL bagi menjalankan tugas-tugas tersebut. Ini kerana dua (2) kenderaan yang dikhaskan untuk kegunaan Pejabat Tanah Langkawi digunakan untuk pelbagai tujuan. PDTL juga tidak mempunyai kenderaan pengangkut jentera (*loader*) dan tempat yang diwartakan bagi menempatkan barang-barang rampasan seperti yang ditetapkan oleh peraturan.
- v. Selain itu, pegawai di Unit Penguatkuasaan dan Teknikal yang melaksanakan pemantauan dan pelaksanaan pada masa ini hanyalah tiga (3) orang berbanding enam (6) perjawatan yang diwartakan. Ini disebabkan berlaku dua (2) kekosongan perjawatan manakala seorang lagi tidak terlibat dengan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan sebaliknya melaksanakan tugas pentadbiran. Bagi mengatasi masalah ini, pegawai dari Unit Pembangunan Tanah turut terlibat bagi membantu aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan.
- vi. Kesan daripada penguatkuasaan yang tidak dilaksanakan oleh PTG dan PDTL menyebabkan risiko meningkatnya aktiviti pengeluaran bahan batuan tanpa kelulusan dan kehilangan hasil kepada Kerajaan Negeri.

Pada pendapat Audit, tindakan penguatkuasaan kurang cekap kerana laporan pemantauan dan daftar aduan tidak disediakan. Selain itu, Unit Penguatkuasaan dan Teknikal mempunyai kekangan seperti kelengkapan tidak mencukupi, perjawatan tidak diisi sepenuhnya dan tiada kawasan simpanan barang rampasan.


6.2.4. Impak Pengeluaran Bahan Batuan Terhadap Alam Sekitar

- a. Berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, penekanan terhadap aspek alam sekitar tertumpu kepada tanah, air, udara, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor biologi bagi binatang dan tumbuhan serta faktor sosial astetika. Seksyen 25(2)(a) Akta yang sama bagi sekatan mengenai pencemaran perairan daratan menyatakan tanpa menghadkan keluasan seksyen kecil (1), seseorang hendaklah disifatkan

sebagai mengeluar, melepas atau meletakkan buangan-buangan ke dalam perairan daratan jika ia meletakkan apa-apa buangan di dalam atau di atas mana-mana perairan atau di sesuatu tempat di mana buangan itu boleh masuk ke dalam mana-mana perairan.

- b. Laporan Siasatan Aduan oleh PDLT dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah (JAS) pada 10 Januari 2017 menyatakan bahawa anggota penguatkuasa PDLT telah beberapa kali membuat tinjauan di kawasan Tematas, Mukim Ulu Melaka. Hasil pemeriksaan mendapati aktiviti pengeluaran pasir telah dilakukan di Lot 1669, Tematas, Mukim Ulu Melaka dan sungai bersebelahan lot tersebut. Kawasan tersebut dikenal pasti tidak mempunyai permohonan pengeluaran bahan batuan. Hasil lawatan Audit pada 16 Januari 2019 mendapati di tapak pengeluaran pasir tersebut mempunyai sungai semulajadi. Sungai tersebut telah tertimbus dengan longgokan pasir dan menyebabkan perubahan warna air kesan pengorekan pasir tanpa kelulusan. Perubahan struktur dan warna air sungai adalah seperti dalam **Gambar 26** dan **Gambar 27**.

GAMBAR 26



Tematas, Mukim Ulu Melaka
- Perubahan Warna Air Sungai
(16.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 27



Tematas, Mukim Ulu Melaka
- Sungai Tertimbus Akibat
Longgokan Pasir
(16.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- c. Aktiviti pengeluaran pasir tersebut dikenal pasti telah berlaku dalam tempoh tahun 2016 hingga 2018 dan berdekatan dengan perusahaan industri pengeluaran produk air mineral berdasarkan imej satelit daripada ARSM seperti dalam **Gambar 28** dan **Gambar 29**.

GAMBAR 28



Tematas, Mukim Ulu Melaka
-Imej Kawasan Pengeluaran Pasir
Berdasarkan Imej Satelit ARSM
(18.12.2016)
(Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia)


GAMBAR 29



Tematas, Mukim Ulu Melaka
-Imej Kawasan Pengeluaran Pasir
Berdasarkan Imej Satelit ARSM
(07.02.2018)
(Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia)

- d. Pengesahan melalui khidmat kepakaran ARSM mendapati kedudukan kawasan tapak pengeluaran pasir di Lot 1669, Tematas, Mukim Ulu Melaka terletak di laluan punca air utama dan jaraknya adalah 1.5 kilometer dari Loji Rawatan Air Padang Saga. Loji ini membekalkan air bersih hampir keseluruhan Daerah Langkawi yang melibatkan 92,784 penduduk. Butiran lanjut seperti dalam **Gambar 30** dan **Gambar 31**.

GAMBAR 30



-Imej Kawasan Pengeluaran Pasir Berada di Laluan Punca Air Berdasarkan Imej Satelit ARSM
(12.01.2019)

(Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia)

GAMBAR 31



Lot 1669 dan Loji Rawatan Air Padang Saga, Tematas, Mukim Ulu Melaka

-Imej Jarak Kawasan Pengeluaran Pasir dengan Loji Rawatan Air

Berdasarkan Imej Satelit ARSM

(12.01.2019)

(Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia)

- e. Selain itu, tiada bukti menunjukkan tindakan penguatkuasaan diambil oleh PDTL terhadap pengeluaran bahan batuan yang dilakukan tanpa kelulusan. Ini menyebabkan sungai terus dieksplorasi dan memusnahkan fungsi asal sungai dan persekitarannya.

Maklum balas PDTL yang diterima pada 17 September 2019

Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi telah mengambil tindakan dengan mengarahkan pengusaha haram ini menghentikan operasi pengorekan dan mengeluarkan semua jentera yang ada di dalam kawasan itu. Pengusaha akur dengan arahan tersebut, namun pengusaha mengulangi operasi pengorekan haram tersebut. PDTL menghadapi kekangan untuk menyita mesin ini kerana tiada jentera untuk membawa pulang mesin tersebut ke pejabat. Pengusaha jentera (*loader*) persendirian enggan memberi kerjasama kerana bimbang akan keselamatan diri mereka serta jentera mereka. Oleh itu, PDTL telah mengeluarkan notis bertarikh 26 Mac 2019 iaitu arahan untuk menghentikan kerja pencabutan atau pemindahan bahan batuan dan mengeluarkan semua jentera serta peralatan dengan serta merta sebelum tindakan penguatkuasaan undang-undang diambil.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap kawalan dan perlindungan alam sekitar adalah kurang cekap kerana aktiviti pengeluaran pasir tersebut telah memberi kesan negatif kepada alam sekitar di kawasan tersebut. Aktiviti pengeluaran bahan batuan tanpa kawalan boleh menjelaskan kualiti air dan menyebabkan saliran sungai menjadi sempit.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa pengurusan bahan batuan PDTL kurang berkesan kerana kutipan royalti tidak mencapai sasaran yang ditetapkan, selain menunjukkan trend penurunan dalam kutipan royalti semasa pada tahun 2017 dan 2018. Faktor utama yang menyebabkan sasaran tidak dicapai adalah kerana kelemahan terhadap pengurusan dan pemantauan kutipan hasil royalti pengeluaran bahan batuan. Selain itu, PDTL menghadapi masalah dalam mengambil tindakan penguatkuasaan kerana kekurangan pegawai di Unit Penguatkuasaan dan Teknikal, tidak mempunyai kenderaan pengangkut jentera dan tempat yang diwartakan bagi menempatkan barang-barang rampasan. Perkara ini telah menjelaskan kecekapan pengurusan bahan batuan di Daerah Langkawi.

8. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan supaya pihak PDTL mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara seperti berikut:

- 8.1. menetapkan sasaran kuantiti pengeluaran bahan batuan walaupun sasaran berdasarkan ringgit ada dibuat dan memastikan penggunaan unit ukuran serta kadar royalti mengikut Aturan Tanah Kedah 1966;
- 8.2. memastikan Permit 4C dikeluarkan kepada semua pengusaha yang terlibat dengan pengeluaran bahan batuan seperti yang ditetapkan dalam Akta 56/1965;
- 8.3. mematuhi *Standard Operating Procedure* yang telah ditetapkan bagi memudahkan operasi PDTL dalam pengurusan bahan batuan;
- 8.4. mengkaji semula syarat-syarat permit terutamanya bagi penetapan zon penampang mengikut kesesuaian kawasan dan tempoh pembayaran royalti supaya tidak berlaku tunggakan;
- 8.5. meningkatkan pemantauan dan kawalan terhadap pemulangan buku doket dan laporan penyata pengeluaran pengusaha;
- 8.6. mengambil tindakan yang lebih berkesan dan proaktif dengan menguatkuasakan undang-undang seperti mengenakan denda dan rampasan jentera bagi pengeluaran bahan batuan tanpa kelulusan;
- 8.7. menjalankan pemeriksaan mengejut dan menyediakan laporan pemantauan secara berkala termasuk melaporkan keadaan sekeliling yang terjejas serta memastikan pengusaha mematuhi syarat permit dan syarat teknikal yang ditetapkan; dan
- 8.8. menyemak semula keperluan bilangan pegawai penguatkuasa dan Unit Penguatkuasaan dan Teknikal dilengkapi dengan kemudahan jentera, peralatan yang mencukupi serta kawasan yang diwartakan untuk meletakkan barang rampasan bagi memudahkan tindakan penguatkuasaan undang-undang dilaksanakan.

2

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI KEDAH

- Pengurusan Program Peningkatan Populasi Pembiak Bagi Ternakan Ruminan

RINGKASAN EKSEKUTIF

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI KEDAH

PENGURUSAN PROGRAM PENINGKATAN POPULASI PEMBIAK BAGI TERNAKAN RUMINAN

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap program peningkatan populasi pembiak (Program PPP) ternakan ruminan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti.
- Prestasi aktiviti dinilai berkaitan agihan baka ternakan, prestasi peningkatan populasi pembiak Skim Pinjaman Induk Tanpa Faedah (PINTAF) dan Ladang Nukleus serta prestasi pembekalan makanan ternakan. Pencapaian *outcome* aktiviti adalah dinilai terhadap pendapatan seisi rumah peserta Skim PINTAF dan kadar kemampuan sara diri (SSL) pengeluaran daging.
- Pengurusan aktiviti adalah menilai prestasi kewangan, pemilihan peserta, perolehan baka ternakan dan makanan ternakan, pendaftaran ternakan, penamatan perjanjian dan pemantauan Skim Pintaf.
- Pengauditan melibatkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah dan tiga (3) Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) Kota Setar, Kulim dan Pokok Sena.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Jabatan mensasarkan pengeluaran daging mencapai kadar Kemampuan Tahap Saradiri (SSL) 50% bagi daging lembu/kerbau dan 30% bagi daging kambing/bebiri menjelang tahun 2020. Selain itu, pendapatan bulanan isi rumah penternak yang menyertai Skim PINTAF juga boleh ditingkatkan sehingga RM2,000 sebulan.
- Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, Kerajaan membelanjakan sejumlah RM3.5 juta bagi Program Peningkatan Populasi Pembiak iaitu membuat perolehan baka ternakan serta bekalan makanan ternakan bagi kegunaan Ladang Ternakan Jabatan.

Apa yang ditemui Audit?

- Pengurusan Program PPP belum mencapai tahap kecekapan yang optimum:
 - Perolehan baka ternakan tidak dirancang dengan teliti menyebabkan penghantaran baka oleh pembekal hanya dapat diselesaikan pada hujung tahun dan pembayaran tidak dapat dibuat pada tahun semasa.
 - Peningkatan harga kontrak bagi perolehan bekalan dedak tiada kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga dan bayaran dibuat sebelum bekalan selesai dibuat penghantaran.
 - Pemasangan tanda telinga ternakan mudah tertanggal dan pemantauan yang tidak berkesan.
 - Buku Rekod Rancangan Pawah tidak dikemas kini menyebabkan perkembangan kemajuan ternakan tidak dapat dinilai untuk tujuan penamatan Perjanjian PINTAF.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI KEDAH

2. PENGURUSAN PROGRAM PENINGKATAN POPULASI PEMBIAK BAGI TERNAKAN RUMINAN

FAKTA UTAMA

2001 <ul style="list-style-type: none">Mula diperkenal sebagai program TRUSTDiaplikasi mulai tahun 2007 oleh Negeri Kedah	RM3.5 Juta <ul style="list-style-type: none">Pembelian baka dan bekalan makanan ternakan (dedak)Tempoh 2015 hingga 2018	Jenis Ternakan <ul style="list-style-type: none">LembuKambingBebiri 
Objektif Utama Program Peningkatan Populasi Pembiak (Program PPP)	Meningkatkan pendapatan bulanan penternak sehingga RM2,000 setiap isi rumah dan membantu penambahan populasi ternakan serta pengeluaran daging di Negeri Kedah	
Skim PINTAF	Skim Pinjaman Induk Tanpa Faedah iaitu agihan ternakan kepada peserta secara pawah dengan syarat penamatkan perjanjian melalui penyerahan seekor anak ternakan yang dilahirkan kepada Jabatan	
Bekalan Dedak	Keperluan asas yang perlu disediakan untuk ternakan lembu, kambing dan bebiri di Ladang Ternakan Jabatan	
Ladang Ternakan Jabatan	Ladang Ternakan Bukit Selambau merupakan pusat penempatan anak baka ternakan peserta Skim PINTAF yang dibuat bayaran balik Ladang Ternakan Binjul Dalam merupakan Ladang Nukleus yang berfungsi sebagai pusat latihan dan pusat pengeluaran baka terpilih bagi lembu	

1. LATAR BELAKANG

1.1. Selaras dengan dasar Kerajaan Persekutuan dalam pembangunan industri ruminan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah (Jabatan) melalui Rancangan Kemajuan Ternakan telah menggariskan enam (6) strategi bagi pembangunan industri ruminan negeri. Salah satu strategi ialah Program Peningkatan Populasi Pembiak (Program PPP). Program PPP merupakan kesinambungan program dan usaha Jabatan bagi menggalakkan penglibatan usahawan dan individu dalam pembangunan industri ruminan. Objektif Program PPP adalah untuk meningkatkan populasi ternakan dan pengeluaran daging di Negeri Kedah serta pendapatan bulanan penternak sehingga RM2,000 setiap isi rumah.


1.2. Komponen utama Program PPP melibatkan pembelian baka ternakan lembu, kambing dan bebiri bagi Skim Pinjaman Induk Tanpa Faedah (Skim PINTAF) serta pembelian bekalan makanan ternakan (dedak) untuk kegunaan Ladang Ternakan Jabatan. Skim PINTAF merupakan salah satu kaedah bagi mencapai objektif Program PPP dari aspek penambahan populasi ternakan dan pengeluaran daging di Negeri Kedah.

1.3. Skim PINTAF dahulunya dikenali sebagai TRUST (Transformasi Usahawan Ternakan) diperkenalkan pada April 2001 dan diaplikasikan pada tahun 2007. Skim

PINTAF adalah sistem pawah yang diubah suai di mana bilangan ternakan yang diberikan kepada peserta terpilih adalah lebih banyak iaitu antara lima (5) hingga 10 ekor kepada setiap peserta berbanding sistem pawah sebelumnya. Satu perjanjian akan dimeterai antara Jabatan dengan peserta terpilih berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan. Perjanjian yang ditandatangani akan berakhir apabila peserta menyerah seekor anak ternakan yang dilahirkan kepada Jabatan.

1.4. Pembelian bekalan dedak merupakan komponen kedua di bawah Program PPP yang menyediakan keperluan asas untuk ternakan di Ladang Ternakan Jabatan. Terdapat dua (2) Ladang Ternakan Jabatan iaitu di Bukit Selambau, daerah Kuala Muda dan Binjul Dalam, daerah Baling. Ladang Ternakan Bukit Selambau merupakan pusat pemulihian baka ternakan yang diserahkan oleh peserta Skim PINTAF bagi penamatan perjanjian. Baka berkenaan akan dipulihkan dahulu sebelum dipawah semula kepada peserta Skim PINTAF yang baharu. Ladang Ternakan Binjul Dalam merupakan Ladang Nukleus yang berfungsi sebagai pusat latihan dan pusat pengeluaran baka terpilih bagi lembu. Komponen terlibat dalam Program PPP adalah seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
KOMPONEN TERLIBAT DALAM PROGRAM PPP



Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

1.5. Program ini dilaksanakan oleh Seksyen Ruminan Jabatan melibatkan semua Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD). Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, Kerajaan Negeri Kedah telah memperuntukkan sejumlah RM6.79 juta bagi membiayai Program PPP. Peruntukan ini merangkumi dua (2) pembelian iaitu pembelian baka ternakan untuk Skim PINTAF dan Ladang Ternakan Jabatan serta pembelian bekalan dedak.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program Peningkatan Populasi Pembiak Bagi Ternakan Ruminan telah diurus dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan populasi lembu, kambing dan bebiri di Negeri Kedah.

3. SKOP PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 yang melibatkan dua (2) bidang utama iaitu prestasi dan pengurusan Program PPP melalui Skim PINTAF serta pembelian bekalan dedak. Prestasi Program PPP dinilai berdasarkan dua (2) perkara iaitu pencapaian output dan outcome. Manakala pengurusan Program PPP meliputi enam (6) perkara iaitu prestasi kewangan, pemilihan peserta, pembelian baka ternakan dan bekalan dedak, pendaftaran ternakan, penamatan perjanjian dan pemantauan Skim PINTAF. Pengauditan dan lawatan fizikal telah dijalankan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah, Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) Kota Setar, Kulim dan Pokok Sena. Pemilihan daerah adalah berdasarkan peserta Skim PINTAF yang menerima agihan baka ternakan tertinggi. Selain itu, pengauditan juga dijalankan di Ladang Ternakan Bukit Selambau dan Binjul Dalam bagi menilai prestasi keperluan bekalan dedak di ladang tersebut.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen serta menganalisis data berkaitan dengan Skim PINTAF dan perolehan makanan ternakan. Lawatan dan pemeriksaan fizikal serta temu bual bersama pegawai dan peserta yang terlibat juga telah diadakan.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan pada bulan November 2018 hingga Januari 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

a. Prestasi Aktiviti

- i. Prestasi agihan baka ternakan dilaksanakan dengan cekap. Ini kerana bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, sebanyak 1,766 (95.9%) daripada 1,842 baka ternakan diagihkan kepada 200 orang peserta Skim PINTAF melibatkan 551 lembu, 935 kambing dan 280 bebiri.
- ii. Pencapaian prestasi peningkatan populasi pемbiak Skim PINTAF bagi tempoh empat (4) tahun adalah pada kadar 12.8% berbanding pengagihan baka induk. Daripada 1,596 baka induk yang diagihkan, sebanyak 309 (19.4%) baka induk telah mati manakala 514 (32.2%) ekor anak dilahirkan menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 1,801 ekor iaitu meningkat sebanyak 205 ekor.
- iii. Prestasi peningkatan populasi bagi ternakan lembu di Ladang Nukleus telah mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu mencapai kadar kelahiran antara 65.5% hingga 130% daripada baki akhir baka induk setiap tahun.
- iv. Tiada perancangan teliti bagi pembelian bekalan dedak menyebabkan bekalan dedak tidak mencukupi dan Jabatan membuat pembelian terus melebihi amaun yang dibenarkan.
- v. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, kadar Kemampuan Tahap Saradiri (SSL) pengeluaran daging lembu/kerbau serta kambing/bebiri di Negeri Kedah menurun iaitu daripada 14.9% kepada 10.8% dan 23.5% kepada 20.9%. Di samping itu, Skim PINTAF juga tidak membantu meningkatkan sasaran SSL kerana bilangan agihan ternakan yang rendah.

b. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan Program PPP belum mencapai tahap kecekapan yang optimum apabila pembelian baka ternakan tidak dirancang dengan teliti. Perkara ini menyebabkan penghantaran baka ternakan kepada Jabatan hanya diselesaikan pada hujung tahun dan pembayaran tidak dapat dibuat pada tahun semasa.

Selain itu, sehingga pengauditan selesai dijalankan, pelupusan baka lembu yang dijangkiti penyakit masih belum dilaksanakan walaupun telah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri. Perkara ini menyebabkan kos bekalan dedak di Ladang Ternakan Jabatan meningkat. Terdapat peningkatan harga kontrak bagi perolehan bekalan dedak yang tiada kelulusan Jawatankuasa Sebut Harga dan bayaran dibuat sebelum bekalan dedak diterima. Bagi pengurusan Skim PINTAF, pemasangan tanda telinga ternakan mudah tanggal dan pemantauan yang tidak berkesan.

- 5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
- a. pengagihan ternakan kepada 36 peserta Skim PINTAF tanpa melalui Jawatankuasa Pemilihan PINTAF;
 - b. pelupusan 191 ekor lembu yang dijangkiti penyakit *brucella abortus* masih belum dilaksanakan sehingga pengauditan selesai dilaksanakan;
 - c. peningkatan kos sebut harga berjumlah RM114,978 tidak dirujuk kepada Jawatankuasa Sebut Harga;
 - d. sejumlah RM133,338 telah dibayar sebelum bekalan dedak diterima di Ladang Ternakan Jabatan; dan
 - e. rekod pemantauan, kelahiran dan kematian ternakan Skim PINTAF tidak kemas kini.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 21 Mac 2019 dan maklum balas diterima pada 20 Mac 2019, 1 Ogos 2019, 8 September 2019, 20 Oktober 2019 dan 5 November 2019. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Prestasi Program

6.1.1. Pencapaian Output

a. Prestasi Agihan Baka Ternakan

- i. Prestasi agihan baka ternakan dinilai berdasarkan perolehan ternakan berbanding agihan kepada peserta Skim PINTAF bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018. Jabatan telah melaksanakan perolehan baka ternakan lembu, kambing dan bebiri secara tender, sebut harga dan pembelian terus. Selain itu, baka ternakan diperoleh dari Ladang Ternakan Jabatan yang merupakan pusat pemulihian bagi ternakan yang diserah oleh peserta Skim PINTAF untuk tujuan penamatan perjanjian. Berdasarkan Prosedur Kualiti Pengagihan dan Penerimaan Ternakan, agihan kepada peserta Skim PINTAF hendaklah dilaksanakan dalam masa tujuh (7) hari dari jadual penghantaran.
- ii. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, Jabatan melaksanakan perolehan 1,475 baka ternakan melibatkan 466 lembu, 744 kambing dan 265 bebiri. Manakala sebanyak 367 baka ternakan adalah daripada Ladang Ternakan Jabatan dan pawah dalaman di peringkat daerah melibatkan 161 lembu, 191 kambing dan 15 bebiri. Bagi tempoh tersebut, sebanyak 1,766 baka ternakan diagihkan kepada 200 peserta Skim PINTAF melibatkan 551 lembu, 935 kambing dan 280 bebiri. Daripada jumlah yang diagihkan, sebanyak 1,596 adalah baka induk (90.4%) dan 170 adalah baka pejantan (9.6%).
- Bekalan baka ternakan lembu, kambing dan bebiri
1,842 Ekor
- Telah agih kepada 200 peserta Skim PINTAF
1,766 Ekor
- iii. Semakan Audit terhadap Laporan Baki Ternakan mendapati baka ternakan yang diperoleh melalui Ladang Ternakan Jabatan dan pawah dalaman di peringkat daerah telah diagihkan sepenuhnya kepada peserta Skim PINTAF. Agihan kambing dan bebiri yang dibekalkan kepada peserta Skim PINTAF melalui perolehan Jabatan juga mencapai 100%. Bagaimanapun, agihan baka lembu kepada peserta Skim PINTAF hanya 390 lembu (83.7%) daripada 466 lembu yang dibekalkan.
- iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati baki sebanyak 60 lembu (12.9%) yang dibeli pada tahun 2016 tidak diagihkan kepada peserta Skim PINTAF dan ditempatkan di Ladang Ternakan Bukit Selambau. Mulai bulan Julai 2017, semua lembu tersebut dikuarantin di ladang tersebut selepas terdapat ternakan dijangkiti penyakit *brucella abortus*. Selain itu, baki lagi 16 lembu (3.4%) melibatkan baka induk *charolais*, baka Bali dan baka tempatan ditempatkan di Ladang Ternakan Jabatan untuk tujuan penyelidikan dan pемbiakbaaan. Selain itu, sebanyak 27 lembu di Ladang Ternakan Bukit

Selambau didapati positif penyakit *brucella abortus* telah dilupuskan secara jualan terus pada 24 Ogos 2017. Butiran selanjutnya adalah seperti dalam **Jadual 1** dan **2**.

JADUAL 1
PRESTASI AGIHAN BAKA TERNAKAN
DI BAWAH SKIM PINTAF BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018

BIL.	TERNAKAN	PRESTASI AGIHAN TERNAKAN MELALUI PEROLEHAN SECARA PEMBELIAN TERUS/ SEBUT HARGA TENDER				AGIHAN BEKALAN DARI LADANG /PAWAH DALAMAN (Ekor) (c)	JUMLAH	
		PEROLEHAN (Ekor) (a)	AGIHAN (Ekor) (b)	BAKI TERNAKAN (Ekor) (a-b)	PERATUS AGIHAN (%) (b/a)		PEROLEHAN /BEKALAN TERNAKAN (Ekor) (a+c)	DIAGIHKAN (Ekor) (b+c)
1.	Lembu	466	390	76	83.7	161	627	551
2.	Kambing	744	744	0	100	191	935	935
3.	Bebiri	265	265	0	100	15	280	280
JUMLAH		1,475	1,399	76	94.8	367	1,842	1,766

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

JADUAL 2
BILANGAN PESERTA SKIM PINTAF
DAN AGIHAN BAKA TERNAKAN BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2018

BIL.	TERNAKAN	2015		2016		2017		2018		JUMLAH	
		a	b	a	b	a	b	a	b	a	b
1.	Lembu	25	148	28	185	17	99	19	119	89	551
2.	Kambing	42	445	22	260	10	87	12	143	86	935
3.	Bebiri	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	9	100	16	180	25	280
JUMLAH		67	593	50	445	36	286	47	442	200	1,766

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Nota: (a) Bilangan Peserta (Orang)
(b) Agihan Ternakan (Ekor)

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 20 Mac 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah memaklumkan syarat kelulusan permohonan seorang peserta adalah sebanyak 10 lembu baka induk dan seekor baka pejantan. Bagaimanapun, Jawatankuasa Pemilihan hanya meluluskan sebanyak lima (5) lembu baka induk dan seekor lembu baka pejantan kepada seorang peserta pada tahun 2016. Lebihan baki lembu yang diperoleh pada tahun tersebut ditempatkan di Ladang Ternakan Bukit Selambau.

Pada pendapat Audit, prestasi agihan baka ternakan belum mencapai tahap kecekapan optimum kerana 12.9% baka lembu yang dibeli tidak diagihkan kepada peserta Skim PINTAF. Ternakan lembu yang belum diagihkan, dikuarantin dan dilupuskan kerana dijangkiti penyakit menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

b. Prestasi Peningkatan Populasi Pembiak Melalui Skim PINTAF

- i. Berdasarkan Prosedur Kualiti Skim PINTAF, Jabatan menetapkan perjanjian Skim PINTAF dapat diselesaikan dengan kaedah penyerahan balik seekor anak ternakan dalam tempoh tiga (3) tahun bagi lembu dan lima (5) tahun bagi kambing atau bebiri. Jabatan menyasarkan kelahiran dan kematian ternakan Skim PINTAF pada kadar 80% kelahiran dan 10% kematian. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Jabatan tidak menyediakan sasaran peningkatan populasi ternakan di bawah Skim PINTAF secara tahunan bagi memantau prestasi peningkatan populasi ternakan.
- ii. Semakan Audit terhadap Daftar Senarai Nama Peserta Skim PINTAF yang diselenggara oleh Unit Pedaging Jabatan adalah bagi mengukur prestasi peningkatan baka induk Skim PINTAF. Daftar ini telah dikemas kini dengan mengambil kira rekod kelahiran dan kematian ternakan selepas lawatan Audit bersama Jabatan. Analisis Audit mendapati daripada 1,596 baka induk yang diagihkan, sebanyak 309 (19.4%) baka induk telah mati manakala 514 (32.2%) anak baka ternakan dilahirkan. Ini menjadikan jumlah keseluruhannya 1,801 ekor iaitu meningkat sebanyak 205 ekor (12.8%). Selain itu, lembu baka pejantan berkurang kepada 161 ekor kerana sembilan (9) daripada 170 ekor (5.3%) yang diagihkan dilaporkan mati. Butiran lanjut peningkatan baka ternakan berbanding agihan baka induk lembu Skim PINTAF adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PRESTASI PENINGKATAN BAKA TERNAKAN
BERBANDING AGIHAN BAKA INDUK SKIM PINTAF BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2018

TERNAKAN	TAHUN AGIHAN	BILANGAN BAKA TERNAKAN						
		AGIHAN BAKA INDUK (Ekor) (a)	KEMATIAN		KELAHIRAN		BAKI	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) [(d-a)/a]*100 (%)
			BIL. (Ekor) (b)	KADAR (%) (b/a)	BIL. (Ekor) (c)	KADAR (%) (c/a)		
Lembu	2015	132	10	7.6	54	40.9	176	33.3
	2016	166	12	7.2	80	48.2	234	41.0
	2017	90	6	6.7	18	20.0	102	13.3
	2018	100	1	1.0	9	9.0	108	8.0
JUMLAH		488	29	5.9	161	33.0	620	27.0
Kambing	2015	429	89	20.7	131	30.5	471	9.8
	2016	219	123	56.2	43	19.6	139	(36.5)
	2017	79	11	13.9	34	43.0	102	29.1
	2018	130	14	10.8	47	36.2	163	25.4
JUMLAH		857	237	27.7	255	29.8	875	2.1

TERNAKAN	TAHUN AGIHAN	BILANGAN BAKA TERNAKAN						
		AGIHAN BAKA INDUK (Ekor) (a)	KEMATIAN		KELAHIRAN		BAKI	PENINGKATAN/ (PENURUNAN) [(d-a)/a]*100 (%)
Bebiri	2017		BIL. (Ekor) (b)	KADAR (%) (b/a)	BIL. (Ekor) (c)	KADAR (%) (c/a)		
	2018	161	18	11.2	28	17.4	171	6.2
JUMLAH		251	43	17.1	98	39.0	306	21.9
JUMLAH KESELURUHAN		1,596	309	19.4	514	32.2	1,801	12.8

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Nota: Maklumat bilangan kematian, kelahiran dan baki adalah sehingga 29 Januari 2019

- iii. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, hanya prestasi peningkatan populasi baka induk lembu yang diagihkan pada tahun 2015 dapat dinilai kerana telah mencapai tempoh tiga (3) tahun perjanjian. Berdasarkan **Jadual 3**, analisis Audit mendapati kadar kelahiran baka induk lembu tahun tersebut tidak mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Jabatan. Sehingga 31 Disember 2018, kelahiran yang dicatatkan hanya 54 ekor (40.9%) dan kematian adalah 10 ekor (7.6%) daripada 132 baka induk lembu yang diagihkan menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 176 ekor. Sebanyak 35 ekor (26.5%) daripada 132 baka induk lembu yang diagihkan kepada peserta Skim PINTAF telah diserah balik anak mengikut perjanjian.
- iv. Secara keseluruhannya, kadar peningkatan bilangan baka ternakan lembu, kambing dan bebiri masing-masing adalah sebanyak 27.1%, 2.1% dan 21.9% bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018. Selain itu, kadar kelahiran tertinggi daripada bilangan ternakan yang diagihkan adalah bebiri iaitu 39.1%, lembu 33% dan kambing 29.8%. Manakala kadar kematian ternakan tertinggi adalah kambing iaitu 27.7%, bebiri 17.1% dan lembu 6%. Berdasarkan temu bual dengan Pegawai Jabatan dan peserta, pihak Audit dimaklumkan kematian ternakan kerap berlaku di peringkat awal selepas ternakan diagihkan kepada peserta. Antara sebab kematian adalah kerana faktor tekanan selepas perubahan persekitaran, kaedah pengurusan ternakan, kebersihan air minuman, jangkitan bakteria dan kecacingan.
- v. Bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018, sebanyak 563 ekor baka ternakan diagihkan kepada 58 peserta Skim PINTAF di tiga (3) daerah iaitu Kota Setar, Kulim dan Pokok Sena. Dalam tempoh tersebut, ternakan yang mati adalah 86 ekor (15.3%) manakala 162 ekor (28.8%) dilahirkan. Ini menjadikan jumlah baki keseluruhan sebanyak 639 ekor iaitu peningkatan sebanyak 76 ekor (13.5%). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
**PRESTASI AGIHAN, KEMATIAN DAN KELAHIRAN TERNAKAN SKIM PINTAF
DI DAERAH KULIM, KOTA SETAR DAN POKOK SENA BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2018**

DAERAH	TERNAKAN	BILANGAN TERNAKAN (Ekor)				PENINGKATAN/ (PENURUNAN) (%)
		AGIHAN	KEMATIAN	KELAHIRAN	BAKI	
Kota Setar	Lembu	48	10	19	57	18.8
	Kambing	54	24	13	43	(20.4)
	Bebiri	33	5	15	43	30.3
	JUMLAH	135	39	47	143	5.9
Kulim	Lembu	72	5	11	78	8.3
	Kambing	124	4	43	163	31.5
	Bebiri	33	0	0	33	0
	JUMLAH	229	9	54	274	19.7
Pokok Sena	Lembu	69	2	17	84	21.7
	Kambing	75	28	18	65	(13.3)
	Bebiri	55	8	26	73	32.7
	JUMLAH	199	38	61	222	11.6
JUMLAH KESELURUHAN		563	86	162	639	13.5

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 20 Mac 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah mengakui kelemahan dalam menetapkan sasaran secara tahunan bagi program ini. Penetapan sasaran tahunan telah diperkemas bagi tujuan pemantauan dengan mensasarkan kadar kelahiran sebanyak 70% hingga 80% dan kematian induk sebanyak 10% dengan mengambil kira parameter teknikal iaitu tiada kelahiran bagi tahun pertama (proses adaptasi persekitaran dan pengurusan ternakan baharu). Selain itu, anggaran kadar kebuntingan (*pregnancy rate*) dan kadar persenyawaan (*conception rate*) adalah 60% baka induk bagi setiap tahun.

Sasaran peningkatan populasi ternakan peserta Skim PINTAF juga mengambil kira populasi sedia ada yang dimiliki peserta (sebelum menyertai program) bagi mengembangkan projek yang sedang diusahakan. Menerusi program ini, ternakan sedia ada akan bertambah dan berkembang hasil dari kelahiran anak-anak pawah tersebut.

Pada pendapat Audit, prestasi peningkatan populasi pемbiак Skim PINTAF masih boleh dipertingkatkan. Ia boleh dilaksanakan dengan penambahbaikan terhadap pengurusan ternakan selepas agihan seperti penjagaan kebersihan ladang, kesihatan ternakan serta pemantauan berkala Jabatan.

c. Prestasi Peningkatan Populasi Pembiak di Ladang Nukleus

- i. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah membangunkan Ladang Ternakan Binjul Dalam, Baling sebagai Ladang Nukleus yang berperanan sebagai pusat latihan dan pusat pengeluaran baka terpilih bagi ternakan lembu. Antara baka yang dibiakkan ialah baka kacukan tempatan Kedah Kelantan (KK) dan baka kacukan *charolais*. Kapasiti maksimum populasi ternakan lembu bagi ladang ini adalah sebanyak 300 ekor.
- ii. Jabatan menyasarkan 60% kadar kelahiran bagi baka induk di ladang ini setiap tahun. Semakan Audit terhadap rekod stok ternakan ladang bagi tahun 2015 hingga 2018 mendapati prestasi peningkatan populasi bagi ternakan lembu telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Kadar kelahiran adalah di antara 65.6% hingga 130% daripada baki akhir baka induk manakala kematian antara satu (1) hingga lapan (8) ekor setiap tahun. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 43 anak baka ternakan lembu diterima hasil serahan balik daripada peserta Skim PINTAF yang menyelesaikan perjanjian. Di samping itu, sebanyak 222 baka ternakan lembu dikeluarkan daripada ladang bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018. Pengeluaran ini adalah untuk agihan semula kepada peserta Skim PINTAF, jualan baka pejantan kepada penternak luar dan pemindahan anak lembu ke Ladang Ternakan Bukit Selambau untuk pemulihian. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
STATISTIK PENINGKATAN BAKA TERNAKAN LEMBU
DI LADANG NUKLEUS BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018

TAHUN	BAKI AWAL (Ekor)				A	B	C	D	BAKI AKHIR (Ekor)				KELAHIRAN BAGI BAKA INDUK * (%)
	JANTAN	INDUK	ANAK	JUMLAH					JANTAN	INDUK	ANAK	JUMLAH	
2015	3	73	110	186	61	1	1	30	4	93	120	217	65.6
2016	4	93	120	217	50	5	3	61	7	56	141	204	89.3
2017	7	56	141	204	65	5	0	95	4	50	115	169	130.0
2018	4	50	115	169	30	8	39	36	5	41	148	194	73.2
JUMLAH				206	19	43	222						

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Nota: (A) - Kelahiran (Ekor), (B) - Kematian (Ekor), (C) - Penerimaan (Ekor), (D) - Pengeluaran (Ekor)

(*) - (A / baki akhir baka induk)

Pada pendapat Audit, prestasi peningkatan populasi pembiak di Ladang Nukleus telah dilaksanakan dengan cekap kerana telah mencapai sasaran yang ditetapkan.

d. Prestasi Perolehan Bekalan Makanan Ternakan (Dedak) Berbanding Bekalan Diterima

- i. Komponen lain di bawah Program PPP adalah pembelian bekalan dedak untuk kegunaan baka ternakan lembu, kambing dan bebiri yang ditempatkan di Ladang Ternakan Jabatan. Baka ternakan berkenaan ditempatkan di ladang ini sehingga usia 18 bulan atau berat badan mencapai 180 kilogram sebelum diagihkan kepada peserta Skim PINTAF.
- ii. Berdasarkan daftar perolehan tahun 2016 hingga 2018, Jabatan melaksanakan tiga (3) perolehan bekalan dedak bernilai RM0.87 juta (1,040 tan metrik) secara sebut harga dan 20 pembelian terus berjumlah RM145,299 (159.1 tan metrik). Semakan Audit mendapati bekalan dedak yang dibekalkan melalui perolehan secara sebut harga tidak mengikut kuantiti seperti yang ditetapkan. Bekalan dedak yang dibekalkan secara sebut harga adalah sebanyak 1,081.5 tan metrik iaitu melebihi 41.5 tan metrik berbanding kuantiti yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PRESTASI BEKALAN MAKANAN TERNAKAN (DEDAK)
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	PERIHAL BEKALAN	PEROLEHAN BEKALAN DEDAK		BEKALAN DITERIMA DAN DIBAYAR		LEBIHAN/(KURANGAN)		PENCAPAIAN (%)
		MT	(RM)	MT	(RM)	MT	(RM)	
SEBUT HARGA								
2016	Membekal Dan Menghantar Makanan Ternakan (Dedak)	260	192,400	359	274,776	99	82,376	142.8
2017	Membekal Dan Menghantar Makanan Ternakan (Dedak)	350	301,500	237.5	204,750	(112.5)	(96,750)	67.9
2018	Membekal Dan Menghantar Makanan Ternakan (Dedak)	430	377,038	485	409,640	55	32,602	108.6
JUMLAH		1,040	870,938	1,081.5	889,166	41.5	18,228	102.1
PEMBELIAN TERUS								
2016	Goat Feed & Molases Untuk Program Pemulihan Ternak	10	14,120	10	14,120	0	0	100
2017	Membekal Dan Menghantar Makanan Ternakan Goat Feed Dan PKE Di Ladang Bukit Selambau	64.1	56,679	64.1	56,679	0	0	100
2018	Membekal Dan Menghantar Makanan Ternakan Goat Feed Dan PKE Ke Ladang Bukit Selambau Dan Binjol Dalam	85	74,500	85	74,500	0	0	100
JUMLAH		159.1	145,299	159.1	145,299	0	0	100
JUMLAH BESAR		1,199.1	1,016,237	1,240.6	1,034,465	41.5	18,228	101.8

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Nota: MT - Tan Metrik

iii. Berdasarkan **Jadual 6**, semakan Audit selanjutnya mendapati perkara seperti berikut:

- Bekalan dedak pada tahun 2016 dan 2018 melebihi kuantiti yang ditetapkan dalam sebut harga iaitu masing-masing sebanyak 99 tan metrik dan 55 tan metrik. Selain itu, bekalan dedak pada tahun 2017 dibekalkan kurang daripada kuantiti yang ditetapkan iaitu sebanyak 112.5 tan metrik. Perkara ini berlaku disebabkan pada tahun 2016 dan 2018 bekalan dedak tidak mencukupi. Pada tahun 2017 pula, pembekal menghadapi masalah mendapat bekalan makanan yang berkualiti sebagaimana yang diperlukan dalam spesifikasi bekalan.
- Pada tahun 2017 dan 2018, perolehan bekalan dedak *Goat Feed* dan *PKE* masing-masing berjumlah RM56,679 dan RM74,500 dibuat secara pembelian terus. Bagaimanapun, amaun perolehan tersebut adalah melebihi had pembelian terus yang dibenarkan bagi tempoh setahun. Semakan Audit selanjutnya mendapati pembelian ini dilakukan secara berperingkat melibatkan sembilan (9) pembelian daripada dua (2) pembekal pada tahun 2017 dan empat (4) pembelian daripada satu (1) pembekal pada tahun 2018. Pihak Audit dimaklumkan oleh Pegawai Jabatan bahawa pembelian terus dilakukan bagi menampung keperluan bekalan dedak pada awal tahun yang tidak termasuk dalam perolehan secara sebut harga. Keadaan ini berlaku disebabkan tiada kawalan terhadap pesanan bekalan dedak dan perancangan yang teliti di peringkat Jabatan.

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 20 Mac 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah mengakui kelemahan tersebut dan memperbaiki kaedah perolehan bermula 2019 dengan memasukkan semua jenis bekalan makanan tambahan ternakan di dalam senarai spesifikasi sebut harga di bawah tajuk bekalan makanan tambahan. Selain itu, Jabatan mengambil inisiatif bagi menyediakan rekod kontrak secara berjadual sebagai dokumen wajib senarai semak pesanan tempatan dan proses pembayaran.

Pada pendapat Audit, prestasi pembekalan makanan ternakan adalah tidak cekap kerana perolehan secara sebut harga tidak dapat memenuhi kuantiti sebenar diperlukan.

6.1.2. Pencapaian *Outcome*

a. Pendapatan Seisi Rumah Peserta Tidak Dapat Diukur

- i. Objektif Program PPP antaranya adalah untuk meningkatkan pendapatan bulanan penternak sehingga RM2,000 setiap isi rumah melalui penyertaan Skim PINTAF. Berdasarkan Prosedur Kualiti Jabatan, pemantauan ternakan peserta Skim PINTAF dilaksanakan dua (2) kali setahun. Pemantauan dilaksanakan termasuklah penilaian pendapatan peserta berpandukan pengiraan Analisa Margin Kasar (AMK).
- ii. Semakan Audit terhadap 36 fail individu peserta Skim PINTAF mendapati tiada rekod pengiraan atau pemantauan pendapatan peserta bagi menilai keberkesanan Skim PINTAF dalam mencapai objektif Program PPP.
- iii. Pihak Audit telah membuat lawatan dan menemu bual 36 peserta Skim PINTAF di tiga (3) daerah yang dipilih pada bulan Januari 2019. Hasil temu bual Audit mendapati seramai enam (6) peserta memperoleh purata pendapatan tambahan melebihi RM2,000 sebulan. Seramai 15 peserta memperoleh purata pendapatan tambahan kurang daripada RM2,000 sebulan daripada hasil jualan. Seterusnya seramai 15 peserta memaklumkan belum pernah menjual ternakan mereka.

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 8 September 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah memaklumkan mulai tahun 2019, Jabatan telah menambahbaik kaedah pengiraan pendapatan dengan menjadikan data AMK sebagai kriteria wajib pemilihan peserta dan penetapan sasaran pendapatan peserta pada akhir tempoh Skim PINTAF. Perkara ini telah dibengkelkan pada akhir tahun 2018 dan dikemukakan dalam kertas cadangan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Dasar Jabatan pada 14 Mac 2019.

b. Kadar Kemampuan Tahap Saradiri (SSL) Pengeluaran Daging Makin Menurun

- i. Berdasarkan *Project Planning For Goat or Sheep or Beef RMKe-11*, Jabatan menyasarkan pengeluaran daging mencapai kadar Kemampuan Tahap Saradiri (SSL) 50% bagi daging lembu/kerbau dan 30% bagi daging kambing/bebiri menjelang tahun 2020. Setiap tahun, Unit Perancang dan

Penilaian Jabatan membuat bancian binatang ternakan dan jumlah pengeluaran daging ternakan tempatan di seluruh negeri Kedah. Jabatan ada menyelenggara maklumat bancian ternakan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2017, manakala maklumat bancian tahun 2018 belum dapat dikeluarkan kerana masalah pengumpulan data. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati prestasi peningkatan populasi ternakan tidak dapat diukur kerana Jabatan tidak menetapkan sasaran populasi ternakan, pengeluaran daging dan kadar SSL yang boleh digunakan bagi mengukur prestasi peningkatan populasi ternakan di negeri Kedah.

- ii. Analisis Audit terhadap data bancian ternakan/pengeluaran daging mendapati industri penternakan ruminan di negeri Kedah berhadapan dengan isu pengurangan populasi induk asas dan pencapaian kadar SSL menjelang tahun 2020. Berdasarkan temu bual Audit bersama Pegawai Jabatan, pengurangan populasi induk asas adalah disebabkan peningkatan penyembelihan baka induk, jangkitan penyakit *foot and mouth disease* (FMD), *brucellosis* dan lain-lain. Selain itu, penanaman semula getah dan kelapa sawit juga menjadi penyebab kepada penurunan bilangan populasi apabila ternakan perlu dikeluarkan dari ladang yang menjadi kawasan ragut sebagai sumber utama makanan.
- iii. Kesan ini dapat dilihat dengan ketara melalui pencapaian kadar SSL berbanding permintaan daging lembu/kerbau berkurangan dari kadar 14.9% pada tahun 2015 kepada 10.8% pada tahun 2017. Manakala kadar SSL daging kambing/bebiri juga menunjukkan penurunan iaitu dari 23.5% pada tahun 2015 kepada 20.9% pada tahun 2017. Statistik Jabatan juga menunjukkan populasi ternakan ruminan telah menurun dari tahun 2015 sehingga 2017 sebanyak 25.9% bagi lembu/kerbau dan 8.7% bagi kambing/bebiri. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
BANCIAN TERNAKAN/PENGELUARAN DAGING
DI NEGERI KEDAH BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2017

PENGELUARAN SEBENAR	2015		2016		2017	
	LEMBU/ KERBAU	KAMBING / BEBIRI	LEMBU/ KERBAU	KAMBING / BEBIRI	LEMBU/ KERBAU	KAMBING / BEBIRI
Agihan Ternakan Skim PINTAF (a) (Ekor)	148	445	185	260	99	187
Populasi Ternakan (b) (Ekor)	79,596	63,995	79,791	64,431	58,971	58,410
Agihan Ternakan Skim PINTAF berbanding Populasi (a/b) (%)	0.2	0.7	0.2	0.4	0.2	0.3
Pencapaian Pengeluaran Daging (c) (Tan Metrik)	1,680.4	290.9	1,621.1	292.9	1,244.9	265.5
Permintaan Daging (d) (Tan Metrik)	11,241.8	1,237.4	11,384.1	1,253.1	11,554.9	1,271.9
Pencapaian Kadar SSL (c/d) (%)	14.9	23.5	14.2	23.4	10.8	20.9

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

- iii. Pihak Audit dimaklumkan oleh Pegawai Jabatan bahawa jumlah pengeluaran daging melalui Skim PINTAF tidak membantu untuk mencapai sasaran SSL kerana bilangan agihan ternakan yang rendah iaitu antara 0.2% hingga 0.7% daripada populasi ternakan.

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 8 September 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah memaklumkan Skim PINTAF hanya menyumbangkan 0.16% pengeluaran daging dan pencapaian SSL negeri Kedah. Keadaan ini berlaku kerana jumlah peruntukan yang diluluskan adalah tidak mencukupi dan perolehan yang dibuat tidak dapat menampung peningkatan populasi yang disasarkan berbanding dengan jumlah yang dikemukakan semasa permohonan bajet.

Pada pendapat Audit, prestasi Program PPP melalui Skim PINTAF tidak mencapai sasaran yang ditetapkan kerana peratus peningkatan populasi ternakan yang rendah tetapi Ladang Nukleus mencapai sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, peningkatan ini kurang membantu kepada jumlah pengeluaran daging berdasarkan trend penurunan kadar populasi induk dan Kemampuan Tahap Saradiri (SSL) ternakan ruminan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018.

6.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan Program PPP meliputi aspek prestasi kewangan, pemilihan peserta, perolehan baka ternakan dan bekalan makanan ternakan ladang, pendaftaran ternakan, penamatan perjanjian dan pemantauan Skim PINTAF. Penjelasan selanjutnya adalah seperti perenggan berikut:

6.2.1. Prestasi Kewangan

- a. Pembangunan Industri Ternakan Ruminan telah diluluskan peruntukan kewangan berjumlah RM10.24 juta bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018 oleh Perbadanan Negeri Kedah. Sejumlah RM6.79 juta daripada keseluruhan peruntukan tersebut diperuntukkan untuk Program PPP yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM3.50 juta. Perbelanjaan ini dibuat bagi tujuan pembelian baka lembu pedaging, kambing dan bebiri serta bekalan makanan dedak untuk ladang ternakan Jabatan.

b. Berdasarkan Laporan Perbelanjaan Pembangunan Jabatan, analisis Audit mendapati Jabatan hanya membelanjakan peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2015 dan tahun 2016 masing-masing sebanyak 60.7% dan 5.4%. Baki peruntukan tahun 2016 berjumlah RM1.13 juta tidak dibelanjakan kerana baka ternakan Skim PINTAF yang dibeli hanya selesai dibekalkan pada bulan November tahun 2016. Bayaran berjumlah RM0.91 juta bagi pembelian tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan kewangan Kerajaan Negeri. Bayaran hanya dibuat pada tahun 2017 dengan menggunakan peruntukan tahun semasa menyebabkan peruntukan tahun berkenaan telah dibelanjakan sepenuhnya. Pada tahun 2018, Pegawai Kewangan Negeri telah membuat semakan semula terhadap bajet pembangunan Program PPP. Jumlah peruntukan yang diluluskan telah dipinda daripada RM3.06 juta kepada RM1.49 juta iaitu penurunan sejumlah RM1.57 juta. Berdasarkan peruntukan tahun 2018 yang dipinda, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM1.39 juta (93.8%). Kedudukan peruntukan dan perbelanjaan untuk Program PPP bagi tempoh empat (4) tahun tersebut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM
PENINGKATAN POPULASI PEMBIAK BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2018

TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PERUNTUKAN DIPINDA (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN BERDASARKAN PERUNTUKAN DIPINDA (%)
2015	1,239,655	1,239,655	752,251	60.7
2016	1,200,000	1,200,000	64,373	5.4
2017	1,288,000	1,288,000	1,287,949	100
2018	3,064,250	1,487,000	1,394,126	93.8
JUMLAH	6,791,905	5,214,655	3,498,699	67.1

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 20 Mac 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah memaklumkan pihaknya telah melaksanakan penambahbaikan terhadap proses sebut harga di mana tawaran bagi tahun berikutnya disediakan lebih awal iaitu pada akhir tahun sebelum sebut harga dikeluarkan. Ini untuk memastikan sebut harga yang dirancang dapat dikeluarkan lebih awal dan bagi membolehkan proses bayaran diselesaikan pada tahun semasa. Pindaan peruntukan bajet yang dilakukan oleh Jabatan adalah berdasarkan batas belanja yang dibenarkan oleh Pejabat Kewangan Negeri.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan di bawah Program PPP tidak diuruskan dengan cekap kerana wujud kelemahan terhadap tempoh masa pelaksanaan sebut harga sehingga menjelaskan proses bayaran.

6.2.2. Pemilihan Peserta Skim PINTAF

- a. Garis Panduan Pemilihan Penternak Skim PINTAF menggariskan tatacara pemilihan peserta melibatkan proses permohonan, soal siasat dan pemilihan peserta untuk dilaksanakan dalam tempoh enam (6) bulan. Permohonan bagi menyertai skim PINTAF adalah menggunakan borang permohonan yang dikeluarkan pada awal tahun. Pemohon perlu mengembalikan borang tersebut pada atau sebelum 15 Mac tahun berkenaan kepada PPVD. Bagaimanapun, mulai tahun 2018 permohonan adalah terbuka sepanjang tahun.
- b. Selepas permohonan disemak, pegawai penilai yang dilantik akan membuat pemeriksaan balas terhadap pemohon dengan melawat lokasi ternakan pemohon menggunakan Borang Soal Siasat Permohonan. Senarai pendek pemohon dikeluarkan oleh PPVD dan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemilihan PINTAF untuk kelulusan dan pemohon yang berjaya akan dimaklumkan. Surat perjanjian pinjaman ternakan disedia dan ditandatangani selepas ternakan diterima. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:
 - i. **Pemilihan Peserta Skim PINTAF Tanpa Kelulusan Jawatankuasa Pemilihan PINTAF**
 - Pada tahun 2015 hingga 2018, sebanyak 1,893 borang permohonan dikeluarkan bagi ternakan seperti lembu, kambing dan bebiri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,505 borang (79.5%) permohonan dikembalikan. Sebanyak 990 (65.8%) daripada jumlah permohonan yang diterima telah ditolak kerana tidak memenuhi syarat. Sebanyak 515 permohonan (34.2%) disenarai pendek dan diadakan lawat siasat oleh Pegawai Penilai di PPVD. Pegawai Penilai di PPVD telah menyenaraikan 202 (13.4%) nama pemohon yang disokong untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemilihan PINTAF untuk pemilihan peserta.
 - Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pemilihan PINTAF bersidang sekali setahun iaitu pada 24 Jun 2015, 28 Julai 2016, 10 September 2017 dan 22 April 2018. Jawatankuasa ini dianggotai oleh tujuh (7) Ketua Bahagian atau seksyen atau unit di Jabatan dan telah dilantik setiap tahun. Sebanyak 152 permohonan (10.1%) telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan PINTAF bagi tempoh tahun 2015 hingga 2018. Selain itu, 19 peserta pada tahun 2015 dipilih berdasarkan permohonan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan PINTAF tahun 2012 tetapi belum menerima baka ternakan pada tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
BILANGAN PERMOHONAN DAN KELULUSAN TERNAKAN
DI BAWAH SKIM PINTAF BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2018

PERKARA	BILANGAN PERMOHONAN DAN KELULUSAN				
	2015	2016	2017	2018	JUMLAH
Borang permohonan keluar	398	621	522	352	1,893
Permohonan yang diterima balik	325	456	450	274	1,505
Permohonan yang ditolak	185	165	414	226	990
Dibentangkan Kepada Jawatankuasa Pemilihan PINTAF Negeri	43	62	36	61	202
Diluluskan Jawatankuasa Pemilihan PINTAF Negeri	54	46	26	45	171*
Bilangan Peserta Menerima Bantuan	67	50	36	47	200

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Nota: (*) - Termasuk 19 peserta yang diluluskan melalui Jawatankuasa Pemilihan PINTAF tahun 2012

- Semakan Audit selanjutnya dibuat terhadap Daftar Senarai Nama Peserta Skim PINTAF tahun 2015 hingga 2018 yang diselenggara oleh Unit Pedaging Jabatan. Semakan Audit mendapati seramai 200 peserta menerima agihan ternakan Skim PINTAF berbeza dengan bilangan peserta yang diluluskan Jawatankuasa Pemilihan PINTAF iaitu 171 peserta. Sebanyak tujuh (7) peserta daripada 171 peserta yang diluluskan Jawatankuasa Pemilihan PINTAF telah menarik diri dari Skim PINTAF. Semakan Audit seterusnya mendapati 36 peserta diagihkan ternakan Skim PINTAF tanpa melalui kelulusan Jawatankuasa Pemilihan PINTAF. Ia melibatkan agihan ternakan kepada 23 peserta melalui agihan semula dan 13 peserta melalui agihan ternakan perolehan baharu.
- Agihan tanpa kelulusan yang dibuat melalui agihan semula setelah terdapat lebihan ternakan di Ladang Ternakan Jabatan dan telah memenuhi syarat untuk diagihkan semula. Agihan ini diluluskan di peringkat PPVD sahaja tanpa melalui Jawatankuasa Pemilihan PINTAF. Agihan ternakan tanpa kelulusan yang dibuat melalui perolehan baharu melibatkan agihan kecemasan kepada penternak atau usahawan ternak yang berkemampuan. Agihan ini dibuat jika sekiranya terdapat peserta yang telah diluluskan menarik diri dari Skim PINTAF pada saat akhir. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
AGIHAN TERNAKAN KEPADA PESERTA
TANPA MELALUI KELULUSAN JAWATANKUASA PEMILIHAN PINTAF

TAHUN AGIHAN	BIL. PESERTA (Orang)	KATEGORI AGIHAN		JANTINA TERNAKAN	
		BAHARU (Orang)	SEMULA (Orang)	JANTAN (Ekor)	BETINA (Ekor)
LEMBU					
2015	6	5	1	1	23
2016	5	1	4	1	18
2017	3	Tiada Agihan	3	1	36
2018	1	1	Tiada Agihan	1	Tiada Agihan
JUMLAH	15	7	8	4	77
KAMBING					
2015	8	1	7	5	65
2016	4	4	Tiada Agihan	4	45
2017	7	Tiada Agihan	7	5	53
2018	1	1	Tiada Agihan	1	10
JUMLAH	20	6	14	15	173
BEBIRI					
2018	1	Tiada Agihan	1	2	13
JUMLAH	1	Tiada Agihan	1	2	13
JUMLAH KESELURUHAN	36	13	23	21	263

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 20 Mac 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah memaklumkan pihaknya telah mengeluarkan surat peringatan kepada PPVD bahawa penerima Skim PINTAF melalui agihan semula perlu melalui Jawatankuasa PINTAF atau dimaklumkan kepada Ahli Jawatankuasa PINTAF dan dimintahkan. Surat penurunan kuasa kepada PPVD bagi melaksanakan agihan semula di peringkat daerah telah dikeluarkan. Semua PPVD perlu menyediakan catatan minit untuk pengesahan dan seterusnya perlu membentangkan di dalam Mesyuarat Kelulusan Insentif Penternakan Jabatan.

Pada pendapat Audit, pemilihan peserta Skim PINTAF adalah cekap kerana pihak Jabatan membuat pemilihan peserta berdasarkan proses dan kriteria yang ditetapkan. Bagaimanapun, pemilihan peserta di peringkat PPVD tanpa melalui Jawatankuasa Pemilihan PINTAF boleh menjelaskan perancangan Jabatan sekiranya tiada kawalan dan pemantauan berterusan.

6.2.3. Perolehan Baka Dan Bekalan Makanan Ternakan

Perolehan baka ternakan Skim PINTAF dan makanan ternakan bagi kegunaan Ladang Ternakan Jabatan adalah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan PK 2. Perolehan dibuat sama ada melalui pembelian terus (bernilai bawah RM20,000 setahun), sebut harga (melebihi RM20,000 hingga RM500,000 setahun) atau tender (melebihi RM500,000 setahun). Semakan Audit terhadap perolehan baka dan bekalan makanan ternakan mendapati perkara seperti berikut:

a. Perolehan Baka Ternakan

- i. Berdasarkan Prosedur Kualiti Pemilihan Ternakan Skim PINTAF, pemilihan ternakan bagi skim PINTAF dilaksanakan dalam tempoh dua (2) bulan dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam tender/sebutharga. Jumlah baka ternakan yang diperoleh Jabatan adalah berdasarkan kepada peruntukan kewangan dan bilangan ternakan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemilihan PINTAF.

- ii. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, Jabatan telah melaksanakan lapan (8) perolehan baka ternakan lembu (353 ekor), kambing (348 ekor) dan bebiri (275 ekor) berjumlah RM1.77 juta. Daripada jumlah tersebut, tiga (3) perolehan pada tahun 2016 berjumlah RM0.81 juta, satu (1) perolehan pada tahun 2017 berjumlah RM105,180 dan empat (4) perolehan pada tahun 2018 berjumlah RM0.86 juta. Semakan Audit mendapati proses perolehan yang dijalankan adalah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Butiran lanjut mengenai perolehan baka ternakan adalah seperti dalam **Jadual 11** dan **12**.

Perolehan Ternakan
RM1.77 juta
Tempoh Perolehan
2016 - 2017

JADUAL 11
PEROLEHAN BAKA TERNAKAN JABATAN PERKHIDMATAN
VETERINAR NEGERI KEDAH BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL.	JENIS BEKALAN	NILAI PEROLEHAN (RM)	KAEDAH PEROLEHAN	NO. RUJUKAN PEROLEHAN
TAHUN 2016				
1.	4 lembu betina dan 1 lembu jantan baka Bali	19,550	Pembelian Terus	L160180000559
2.	220 kambing betina dan 18 kambing jantan kacukan tempatan	188,250	Sebut Harga	JPV(K)N:06/2016
3.	198 lembu betina dan 20 lembu jantan kacukan tempatan	597,520	Tender	JPV(K)T.N 1/2016
JUMLAH		805,320		

BIL.	JENIS BEKALAN	NILAI PEROLEHAN (RM)	KAEDAH PEROLEHAN	NO. RUJUKAN PEROLEHAN
TAHUN 2017				
1.	100 bebiri betina dan 10 bebiri jantan kacukan tempatan	105,180	Sebut Harga	JPV(K)N:11/2017
JUMLAH		105,180		
TAHUN 2018				
1.	100 lembu betina dan 20 lembu jantan kacukan tempatan	456,000	Sebut Harga	JPV(K)N:12/2018
2.	100 kambing betina dan 10 kambing jantan kacukan tempatan	165,800	Sebut Harga	JPV(K)N:13/2018
3.	150 bebiri betina dan 15 bebiri jantan kacukan tempatan	178,500	Sebut Harga	JPV(K)N:14/2018
4.	10 lembu betina kacukan <i>Charolais</i> tempatan	63,000	Sebut Harga	JPV(K)N:25/2018
JUMLAH		863,300		
JUMLAH KESELURUHAN		1,773,800		

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

JADUAL 12 PEROLEHAN BAKA TERNAKAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

BAKA TERNAKAN	2016		2017		2018		JUMLAH (Ekor)	JUMLAH (RM)
	BILANGAN (Ekor)	JUMLAH (RM)	BILANGAN (Ekor)	JUMLAH (RM)	BILANGAN (Ekor)	JUMLAH (RM)		
Lembu	223	617,070	Tiada	Tiada	130	519,000	353	1,136,070
Kambing	238	188,250	Tiada	Tiada	110	165,800	348	354,050
Bebiri	Tiada	Tiada	110	105,180	165	178,500	275	283,680
JUMLAH	461	805,320	110	105,180	405	863,300	976	1,773,800

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

iii. Baka Ternakan Dari Ladang Ternakan Jabatan

- Ladang Ternakan Bukit Selambau merupakan pusat pemulihan bagi menempatkan anak baka ternakan yang diserahkan bagi menyelesaikan perjanjian Skim PINTAF. Usia baka ternakan yang diserahkan melibatkan anak lembu yang berusia lebih enam (6) bulan dan sembilan (9) bulan bagi kambing atau bebiri. Anak baka ternakan ini ditempatkan di Ladang Ternakan Jabatan untuk pemulihan dan diagihkan semula kepada peserta Skim PINTAF apabila mencapai usia 18 bulan atau berat badan mencapai 180 kilogram.



Ladang Ternakan Dikuarantin

Jangkitan penyakit *brucella abortus*

191 Lembu

Perlu dilupuskan melalui
jualan lelong

- Lawatan Audit ke Ladang Ternakan Bukit Selambau pada 15 Januari 2019 mendapati sebanyak 228 lembu dan 103 kambing ditempatkan di ladang ini. Bagaimanapun, ladang ini telah dikuarantin mulai 21 Ogos 2017 setelah Jabatan mengesan jangkitan penyakit *brucella abortus* terhadap 27 daripada 243 lembu. Penyakit *Brucella abortus* pada lembu merupakan penyakit berjangkit yang mudah merebak. Penyakit ini boleh menyebabkan keguguran, kemandulan dan kurang pengeluaran susu di kalangan lembu. Jangkitannya boleh menyebabkan kerugian kepada penternak dan ekonomi negara.
- Semakan Audit mendapati tindakan pencegahan seperti mengasingkan ternakan yang positif dan memberi rawatan terhadap penyakit telah diambil. Ujian saringan penyakit yang dilakukan pada bulan April dan September 2018 mendapati masih ada lembu yang dijangkiti penyakit tersebut. Cadangan melupuskan 191 daripada 228 lembu yang masih dikuarantin menerusi jualan lelongan pada kadar RM10/kg secara timbang hidup telah diluluskan Pegawai Kewangan Negeri pada 7 Mei 2019. Ternakan tersebut diwajibkan untuk disembelih di rumah penyembelihan yang ditetapkan sahaja dan pembeli tidak dibenarkan untuk menternak semula lembu yang dilupuskan.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 60 lembu yang dibeli pada tahun 2016 yang sepatutnya diagihkan kepada peserta Skim PINTAF tahun 2017 juga terlibat dalam pelupusan tersebut. Keadaan ini menyebabkan Jabatan mengalami kerugian di mana 60 lembu yang dibeli pada harga antara RM2,640 dan RM3,740 seekor dan lembu sedia ada di ladang juga perlu dilupuskan.
- Mulai bulan Ogos 2017, semua ternakan yang diserahkan balik oleh peserta Skim PINTAF ditempatkan di Ladang Ternakan Binjul Dalam selepas Ladang Ternakan Bukit Selambau tidak dibenarkan untuk kemasukan ternakan baharu. Lawatan Audit pada 15 Januari 2019 di Ladang Ternakan Binjul Dalam mendapati sebanyak 194 lembu ditempatkan di ladang ini iaitu lima (5) baka pejantan, 41 baka induk, 47 anak jantan dan 101 anak betina. Temu bual Audit bersama pegawai Jabatan

mendapati sebanyak 40 baka induk akan diagih semula kepada peserta Skim PINTAF baharu pada tahun 2019.

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 20 Mac 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah memaklumkan pihaknya dalam proses menyediakan dokumen pelupusan yang berkaitan. Semua dokumen berkenaan telah disediakan dan menunggu kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri untuk memulakan proses pelupusan seperti pelantikan Ahli Lembaga Pemeriksa, notis pelelongan secara sebut harga, pelantikan Ahli Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan tujuan pelupusan berkenaan.

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 1 Ogos 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah memaklumkan pihaknya telah mendapat kelulusan pelupusan secara jualan lelong daripada Pegawai Kewangan Negeri pada 7 Mei 2019. Bagaimanapun, Jabatan membuat permohonan meminda kaedah pelupusan secara jualan lelong kepada secara jualan terus. Ini kerana pihaknya mendapat maklumat kaedah lelongan mempunyai kelemahan apabila pihak yang membida berpaktat sesama mereka untuk tidak membida lagi selepas pembida pertama membuat pembidaan. Ia merugikan Kerajaan apabila harga yang dibida adalah rendah. Kaedah jualan terus telah diluluskan Pegawai Kewangan Negeri pada 30 Mei 2019 namun belum dapat dilaksanakan kerana pegawai bertanggungjawab terlibat dengan tiga (3) program Jabatan pada bulan Julai 2019.

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 5 November 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah memaklumkan permohonan pelupusan baharu telah dikemukakan pada 4 September 2019 kepada Pegawai Kewangan Negeri dan diluluskan pada 24 September 2019. Pelupusan telah dilaksanakan secara jualan terus kepada empat (4) pembeli dengan nilai berjumlah RM250,620 pada 9 Oktober 2019.

Pada pendapat Audit, perolehan baka ternakan telah diuruskan secara efektif dalam aspek pemilihan baka yang berkualiti manakala perolehan baka melalui Ladang Ternakan Jabatan telah mengurangkan kos perbelanjaan Jabatan. Bagaimanapun, aspek kesihatan ternakan di

Ladang perlu diberi perhatian bagi mengelakkan risiko jangkitan penyakit berulang yang merugikan Kerajaan.

b. Perolehan Bekalan Makanan Ternakan

Makanan ternakan (dedak) seperti *goat pallet*, dedak lembu PKE (*Palm Kernel Expeller*) dan PKC (*Palm Kernel Cake*) adalah sumber makanan yang perlu disediakan kepada baka ternakan lembu, kambing dan bebiri yang ditempatkan di tiga (3) Ladang Ternakan Jabatan. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, sebanyak tiga (3) pembekal dipilih secara sebut harga bagi membekalkan bekalan dedak berjumlah RM0.87 juta. Selain itu, sebanyak 20 perolehan secara pembelian terus berjumlah RM145,299 dibuat bagi memperoleh bekalan dedak dan beberapa item yang berkaitan. Butiran lanjut bagi perolehan secara sebut harga adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PEROLEHAN BEKALAN MAKANAN MELALUI SEBUT HARGA
BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN BEKALAN	NO. DOKUMEN/TEMPOH BEKALAN	PERIHAL BEKALAN	JUMLAH (Tan Metrik/Beg)	JUMLAH (RM)
2016	JPV(K)N.04/2016 (April 2016 Hingga Disember 2016)	Membekal Dan Menghantar 260 Tan Metrik Dedak (Pellet) Isirong Kelapa Sawit Untuk Kegunaan Jabatan	260 Tan Metrik/ 5,200 Beg	192,400
2017	JPV(K)N.04/2017 (Julai 2017 Hingga Disember 2017)	Membekal Dan Menghantar 350 Tan Metrik Dedak (Pellet) Untuk Kegunaan Jabatan	350 Tan Metrik/ 7,000 Beg	301,500
2018	JPV(K)N.04/2018 (Mei 2018 Hingga Disember 2018)	Membekal Dan Menghantar 430 Tan Metrik Dedak Ladang Jabatan	430 Tan Metrik/ 8,600 Beg	377,038
JUMLAH				870,938

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

i. Tiada Kelulusan Bagi Peningkatan Harga Kontrak Bekalan Makanan Ternakan

- Pekeling Perbendaharaan PK 4.1 menyatakan perubahan dan pelanjutan tempoh kontrak bekalan/perkhidmatan bagi perolehan Negeri boleh diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan sebut harga asal. Bagi kontrak bekalan, tambahan kuantiti tidak melebihi 50% daripada kontrak asal tertakluk kepada nilai maksimum RM7.5 juta dengan syarat jumlah keseluruhan tambahan ini dan nilai kontrak asal tidak melebihi RM25 juta. Semakan Audit terhadap sebut harga tahun 2016 dan 2018 mendapat terdapat peningkatan harga kontrak asal bekalan dedak

masing-masing daripada RM192,400 dan RM377,038 kepada RM274,776 dan RM409,640 iaitu sebanyak 42.8% dan 8.6%.

- Sebut harga tahun 2016 menghendaki petender membekal sebanyak 260 tan metrik (5,200 beg) bekalan dedak bernilai RM192,400 iaitu 200 tan metrik (4,000 beg) kepada Unit Pedaging dan 60 tan metrik (1,200 beg) kepada Unit Tenusu. Semakan Audit mendapati jumlah sebenar



Peningkatan kos
sebut harga tidak
dirujuk Jawatankuasa
Sebut Harga

RM114,978

bekalan dedak yang dibekal dan dibayar adalah sebanyak 359 tan metrik (7,180 beg) bernilai RM274,776. Bagi sebut harga tahun 2018, petender dikehendaki membekal sebanyak 430 tan metrik bekalan dedak (8,600 beg) bernilai RM377,038 iaitu 350 tan metrik (7,000 beg) kepada Unit Pedaging dan 80 tan metrik (1,600 beg) untuk Unit Tenusu. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati bekalan sebenar yang dibekal dan dibayar adalah sebanyak 485 tan metrik bernilai RM409,640.

- Jabatan memaklumkan pihaknya menghadapi keperluan mendesak berkaitan jumlah bekalan dedak pada tahun 2016 dan tahun 2018. Pada tahun 2016, berlaku kes kecurian lembu di Ladang Ternakan Binjul Dalam seperti mana dua (2) laporan polis yang dibuat pada bulan Julai dan Ogos 2016 melibatkan kehilangan tujuh (7) lembu. Perkara ini menyebabkan Jabatan mengambil tindakan memelihara lembu secara fidlot iaitu dikurung dalam kandang tanpa dilepaskan ke kawasan padok (ragut). Peningkatan bekalan dedak pada tahun 2018 disebabkan keperluan kepada lembu yang dikuarantin di Ladang Ternakan Bukit Selambau akibat jangkitan penyakit. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada kawalan dan perancangan yang teliti di peringkat Jabatan sebelum pesanan tempatan dikeluarkan dan pembayaran dibuat. Selain itu, tiada penyelarasan antara Unit Pedaging dan Unit Tenusu untuk mengawal kuantiti sebenar stok bekalan makanan yang dibekalkan di ladang. Ini menyebabkan pertambahan kos berjumlah RM114,978 bagi dua (2) sebut harga berkenaan telah dibayar sepenuhnya tanpa merujuk dan mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Sebut Harga Jabatan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
**PEROLEHAN BEKALAN MAKANAN TERNAKAN (DEDAK) MENGIKUT SEBUT HARGA
 DAN BEKALAN SEBENAR BAGI TAHUN 2016 DAN 2018**

BUTIRAN	UNIT PEDAGING			UNIT TENUSU			JUMLAH			
	MT	BEG	JUMLAH (RM)	MT	BEG	JUMLAH (RM)	MT	BEG	(RM)	(%)
SEBUT HARGA TAHUN 2016										
Bekalan Sebut Harga	200	4,000	148,000	60	1,200	44,400	260	5,200	192,400	
Bekalan Sebenar	293	5,860	216,520	66	1,320	58,256	359	7,180	274,776	
JUMLAH PERBEZAAN	93	1,860	68,520	6	120	13,856	99	1,980	82,376	42.8
SEBUT HARGA TAHUN 2018										
Bekalan Sebut Harga	350	7,000	306,891	80	1,600	70,147	430	8,600	377,038	
Bekalan Sebenar	450	9,000	375,960	35	700	33,680	485	9,700	409,640	
JUMLAH PERBEZAAN	100	2,000	69,069	(45)	(900)	(36,467)	55	1,100	32,602	8.6

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Nota: (MT) - Tan Metrik

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 20 Mac 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah mengambil inisiatif bagi menyediakan rekod kontrak secara berjadual sebagai dokumen wajib senarai semak pesanan tempatan dan proses pembayaran.

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 20 Oktober 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah telah memohon kelulusan khas Pegawai Kewangan Negeri pada 15 Oktober 2019 untuk membuat perolehan melebihi kontrak sebut harga bekalan dedak bagi tahun 2016 dan 2018. Kelulusan telah diberikan pada 20 Oktober 2019.

ii. Bayaran Dibuat Sebelum Bekalan Diterima Sepenuhnya

- Arahan Perbendaharaan 99 (e) (ii) menyatakan bayaran hendaklah diperakurkan mengikut setakat mana telah dilaksanakan atau nilai sebenar bahan telah dibekalkan. Pekeliling Perbendaharaan WP 10.3 menetapkan pembayaran tanpa kuasa/salah/pembayaran tidak sepatutnya (*improper payment*) ialah pembayaran yang tidak wajar dibuat kerana bertentangan dengan peruntukan undang-undang, tidak mengikut syarat atau tatacara yang ditetapkan bagi sesuatu pembayaran.

- Surat tawaran sebut harga JPV(K)N.04/2017 dikeluarkan pada 21 Mei 2017 bagi membekal dan menghantar 350 tan metrik bekalan dedak (pallet) berjumlah RM301,500. Mengikut kontrak, pembekal perlu menghantar bekalan dedak secara berperingkat ke tiga (3) ladang sebelum 31 Disember 2017. Semakan Audit mendapati Jabatan membuat tiga (3) bayaran pada bulan November dan Disember 2017 berjumlah RM94,250 bagi membekalkan bekalan dedak sebanyak 107.5 tan metrik (2,150 beg) walaupun bekalan dedak masih belum dibekalkan sepenuhnya. Sebanyak 290 beg bekalan dedak bagi Ladang Ternakan Bukit Selambau, 250 beg bekalan dedak bagi Ladang Ternakan Binjul Dalam dan 443 beg bekalan dedak bagi Ladang Ternakan Tobiar dihantar dalam tempoh antara dua (2) hingga lima (5) bulan selepas bayaran dibuat. Bagaimanapun, sebanyak 227 beg bekalan dedak bagi Ladang Ternakan Tobiar masih belum dibekalkan sehingga tarikh *exit conference* dijalankan pada 21 Mac 2019. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 15**.



dibayar sebelum bekalan dedak dibekalkan

RM123,123

Dibayar tetapi bekalan belum diterima

RM10,215

JADUAL 15

STATUS PENGHANTARAN BEKALAN DEDAK KE LADANG TERNAKAN JABATAN

BIL.	REKOD BAUCAR BAYARAN			REKOD PENGHANTARAN					
	TARIKH & NO. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH		STATUS BEKALAN	BEG	(RM)			
		BEG	(RM)						
SEBUT HARGA JPV(K)N.04/2017									
LADANG TERNAKAN BUKIT SELAMBAU									
1.	14.12.2017 17CYBB0401020	500 RM42.50 / beg	21,250	Dihantar Sebelum Bayaran Dibuat	210	8,925			
				Dihantar Selepas Bayaran Dibuat	290	12,325			
JUMLAH					500	21,250			
LADANG TERNAKAN BINJUL DALAM									
2.	06.12.2017 17CYBB0400882	500 RM42.50 / beg	21,250	Dihantar Sebelum Bayaran Dibuat	250	10,625			
				Dihantar Selepas Bayaran Dibuat	250	10,625			
JUMLAH					500	21,250			
LADANG TERNAKAN TOBIAR									
3.	06.11.2017 17CYBB0400551	1,150 RM45 / beg	51,750	Dihantar Sebelum Bayaran Dibuat	480	21,600			
				Dihantar Selepas Bayaran Dibuat	443	19,935			
				Baki Belum Hantar	227	10,215			
JUMLAH					1,150	51,750			

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

- Surat tawaran sebut harga JPV(K)N.04/2018 dikeluarkan pada 24 April 2018 bagi membekal dan menghantar 430 tan metrik (8,600 beg) bekalan dedak berjumlah RM377,038. Mengikut kontrak, pembekal perlu menghantar bekalan dedak secara berperingkat ke tiga (3) Ladang Ternakan Jabatan bermula daripada tarikh surat tawaran dikeluarkan sehingga 31 Disember 2018. Semakan Audit mendapati Jabatan membuat tiga (3) bayaran berjumlah RM80,238 pada bulan Disember 2018 bagi bekalan dedak sebanyak 1,000 beg kepada Ladang Bukit Selambau, 800 beg kepada Ladang Ternakan Binjul Dalam dan 140 beg kepada Ladang Ternakan Tobiar walaupun bekalan dedak masih belum dibekalkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati bekalan dedak ini dihantar selepas bayaran dibuat dan selesai sepenuhnya pada 13 Mac 2019.
- Hasil pemeriksaan Audit terhadap stor simpanan bekalan dedak pada 26 Disember 2018 dan 15 Januari 2019 mendapati ruang penyimpanan bekalan dedak tidak mencukupi untuk menampung bekalan yang akan diterima. Ini kerana, bekalan dedak sedia ada sebanyak 595 beg di stor Ladang Ternakan Bukit Selambau dan 372 beg di Ladang Ternakan Binjul Dalam masih belum dibuat pengedaran. Ladang Ternakan Bukit Selambau hanya dapat menampung kapasiti stok sebanyak 450 beg manakala Ladang Ternakan Binjul Dalam sebanyak 400 beg. Bekalan dedak yang disimpan hanya boleh bertahan selama tiga (3) bulan sebelum digunakan. Bagi mengekalkan struktur *pallet* dan juga untuk mengelakkan daripada rosak, hancur dan diganggu oleh makhluk perosak, Jabatan terpaksa menangguhkan terlebih dahulu terimaan bekalan dedak yang dipesan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16** dan **Gambar 1** hingga **2**.

JADUAL 16
STATUS PENGHANTARAN BEKALAN DEDAK KE LADANG TERNAKAN JABATAN

BIL.	REKOD BAUCAR BAYARAN			REKOD PENGHANTARAN				
	TARIKH & NO. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH		STATUS BEKALAN	JUMLAH			
		BEG	(RM)		BEG	(RM)		
SEBUT HARGA JPV(K)N.04/2018								
LADANG TERNAKAN BUKIT SELAMBAU								
1.	12.12.2018 18CYBB0401757	1,000 RM41.36/beg	41,360	Dihantar Selepas Bayaran Dibuat	1,000	41,360		
LADANG TERNAKAN BINJUL DALAM								
2.	10.12.2018 18CYBB0401638	800 RM41.36/beg	33,088	Dihantar Selepas Bayaran Dibuat	800	33,088		

BIL.	REKOD BAUCAR BAYARAN			REKOD PENGHANTARAN		
	TARIKH & NO. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH		STATUS BEKALAN	JUMLAH	
		BEG	(RM)		BEG	(RM)
LADANG TERNAKAN TOBIAR						
3.	4.12.2018 18CYBB0401586	140 RM41.36/beg	5,790	Dihantar Selepas Bayaran Dibuat	140	5,790
	JUMLAH	1,940	80,238	JUMLAH	1,940	80,238

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

GAMBAR 1



Ladang Ternakan Binjul Dalam
- Ruang Stor Penyimpanan Bekalan Dedak
yang Terhad
(26.12.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Ladang Ternakan Bukit Selambau
- Ruang Stor Penyimpanan Bekalan Dedak
yang Terhad
(15.1.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 20 Mac 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah memaklumkan stor simpanan bekalan dedak di ladang adalah terhad. Jabatan telah mendapat persetujuan daripada pembekal untuk menempatkan bekalan dedak sementara di stor simpanan syarikat dan penghantaran akan dilakukan secara berperingkat. Selain itu, pada masa yang sama berlaku kekosongan jawatan penyelia ladang (bersara) dan berlaku kesilapan berkaitan jumlah penerimaan bekalan yang sepatutnya. Siasatan Jabatan mendapati 227 beg bekalan dedak sebenarnya masih belum diterima dan pembekal mengakui perkara berkenaan serta bersetuju untuk menghantar kepada Jabatan.

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 8 September 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah memaklumkan pihaknya telah menerima keseluruhan baki 227 beg bekalan dedak. Sebanyak 110 beg diterima pada bulan April 2019 dan 117 beg pada bulan Mei 2019.

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 20 Oktober 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah telah memohon kelulusan khas Pegawai Kewangan Negeri pada 15 Oktober 2019 untuk menempatkan sementara baki dedak milik JPVNK di stor pembekal. Kelulusan telah diberikan pada 20 Oktober 2019.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan bekalan makanan ternakan adalah tidak cekap di mana terdapat pelanggaran peraturan berkaitan perolehan Kerajaan yang boleh menyebabkan kerugian kepada Kerajaan.

6.2.4. Pendaftaran Ternakan

Tanda pengenalan ternakan adalah kaedah identifikasi ternakan PINTAF secara individu untuk tujuan rekod, pemantauan, program kesihatan dan penilaian produktiviti ternakan. Berdasarkan Prosedur Memberi Tanda Pengenalan Ternakan, pemasangan nombor tanda pengenalan hendaklah diberi secara bersiri dan ditandakan nombor tag di telinga ternakan bagi mengesahkan ternakan tersebut adalah hak dan harta Kerajaan. Selain itu, maklumat peserta, tarikh agihan, tarikh kematian, tarikh kelahiran dan cara penyelesaian perjanjian perlu direkodkan dalam Buku Rekod Rancangan Pawah. Semakan Audit terhadap rekod pendaftaran di tiga (3) daerah yang dipilih mendapati perkara seperti berikut:

a. Buku Rekod Rancangan Pawah Tidak Kemas Kini

- i. Pemeriksaan Audit terhadap Buku Rekod Rancangan Pawah bagi 25 peserta Skim PINTAF mendapati rekod kelahiran dan kematian tidak dikemas kini. Bilangan ternakan dalam Buku Rekod Rancangan Pawah berbeza dengan bilangan ternakan semasa lawatan Audit pada bulan Disember 2018 hingga Januari 2019. Semakan fizikal berbanding buku rekod mendapati bilangan kematian ternakan adalah sebanyak 58 ekor berbanding 17 kematian yang direkodkan. Begitu juga bilangan kelahiran adalah sebanyak 128 ekor berbanding 32 ekor kelahiran direkodkan. Perbezaan ini berlaku disebabkan tiada pemantauan secara berkala terhadap ternakan di lapangan oleh pegawai bertanggungjawab. Pemantauan yang tidak dibuat menyebabkan kemajuan setiap ternakan tidak dapat dinilai untuk tujuan penamatan perjanjian PINTAF. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PERBEZAAN REKOD KELAHIRAN DAN KEMATIAN TERNAKAN BAGI TIGA DAERAH

BIL.	TERNAKAN	BIL. PESERTA	BILANGAN KEMATIAN (Ekor)			BILANGAN KELAHIRAN (Ekor)		
			KIRAAN AUDIT	REKOD BUKU PAWAH	PERBEZAAN	KIRAAN AUDIT	REKOD BUKU PAWAH	PERBEZAAN
DAERAH KOTA SETAR								
1.	Lembu	5	10	6	4	16	6	10
2.	Kambing	2	12	6	6	9	5	4
3.	Bebiri	3	5	4	1	15	12	3
JUMLAH			27	16	11	40	23	17
DAERAH KULIM								
1.	Lembu	3	5	0	5	11	0	11
2.	Kambing	4	4	0	4	29	0	29
JUMLAH			9	0	9	40	0	40
DAERAH POKOK SENA								
1.	Lembu	3	2	1	1	17	9	8
2.	Kambing	2	12	0	12	7	0	7
3.	Bebiri	3	8	0	8	24	0	24
JUMLAH			22	1	21	48	9	39
JUMLAH KESELURUHAN			58	17	41	128	32	96

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 20 Mac 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah mengakui kelemahan sistem rekod yang diselenggara. Tindakan pembetulan diambil dengan mengeluarkan surat peringatan kepada PPVD bagi mengemas kini data atau rekod kematian, kelahiran dan maklumat lain yang berkaitan. Jabatan juga telah menetapkan Mesyuarat Prestasi PINTAF dijalankan dengan kekerapan tiga (3) kali setahun. Mesyuarat pertama penyelarasan dan penyediaan laporan prestasi PINTAF akan diadakan pada 27 Mac 2019.

- ii. Lawatan Audit di daerah Kota Setar, Kulim, dan Pokok Sena pada bulan Disember 2018 dan Januari 2019 mendapat terdapat nombor tag tanda telinga ternakan yang dipasang telah tertanggal. Pihak Audit menemu bual peserta dan dimaklumkan tanda pengenalan yang diguna pakai mempunyai kelemahan seperti mudah tercabut, terkoyak dan sukar dibaca. Oleh itu, adalah sukar untuk mengesahkan ternakan Skim PINTAF tanpa tanda pengenalan berkenaan. Pengesahan lembu, kambing dan bebiri berkenaan bagaimanapun telah disahkan sendiri oleh peserta semasa lawatan Audit. Tanda pengenalan di telinga lembu dan kambing yang telah tertanggal adalah seperti dalam **Gambar 3** dan **4**.

GAMBAR 3



Kampung Ulu Mahang, Kulim
- Nombor Tanda Telinga Jabatan Tertanggal
(12.12.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Kampung Lobak, Kulim
- Nombor Tanda Telinga Jabatan Tertanggal
(12.12.2018)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Ketiadaan nombor tag di telinga ternakan memberi kesan kepada ketidaktepatan maklumat ternakan yang mati atau baru lahir melainkan peserta dengan suci hati melaporkannya kepada pihak Jabatan.

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 20 Mac 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah memaklumkan pemasangan nombor pengenalan di telinga ternakan merupakan kaedah termurah dan mudah untuk diaplikasikan. Jabatan akan memperkenalkan pemasangan nombor pengenalan secara kekal iaitu dengan menggunakan *tatoo* (pencacah telinga) dan *freeze branding*. Peralatan pencacah telinga telah dibuat perolehan pada bulan Februari 2019.

Pada pendapat Audit, pengurusan pendaftaran ternakan adalah baik kerana semua ternakan telah diberikan tanda pengenalan sebelum agihan dibuat. Bagaimanapun, wujud kelemahan dalam aspek perekodan kelahiran dan kematian serta tanda pengenalan mudah tertanggal menjelaskan pengurusan Skim PINTAF.

6.2.5. Penamatan Perjanjian Skim PINTAF

Prosedur Penamatan Perjanjian Skim PINTAF adalah untuk memastikan tatacara proses penamatan perjanjian adalah mengikut arahan yang telah ditetapkan dan semua perjanjian ditamatkan dalam tempoh tiga (3) tahun bagi lembu dan lima (5) tahun bagi kambing dan bebiri. Perjanjian Skim PINTAF ditamatkan melalui bayaran balik anak, asing singkir akibat kecederaan, kematian dan lain-lain. Berdasarkan laporan Jabatan, prestasi penamatan perjanjian PINTAF bagi agihan tahun 2015

hingga 2018 adalah pada tahap 20.4% iaitu sebanyak 360 ekor daripada 1,766 ekor ternakan yang diagihkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PRESTASI PENAMATAN PERJANJIAN SKIM PINTAF
MENGIKUT JENIS TERNAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018

BIL.	TERNAKAN	AGIHAN TERNAKAN (Ekor)	PERJANJIAN TAMAT (Ekor)	PERJANJIAN BELUM TAMAT (Ekor)	PRESTASI PENAMATAN PERJANJIAN (%)
1.	Lembu	551	86	465	15.6
2.	Kambing	935	250	685	26.7
3.	Bebiri	280	24	256	8.6
JUMLAH		1,766	360	1,406	20.4

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

- a. Semakan Audit terhadap Senarai Nama Peserta Skim PINTAF tahun 2015 hingga 2018 mendapati sebanyak 360 perjanjian yang telah ditamatkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 157 perjanjian (43.6%) diselesaikan dengan cara bayaran balik anak ternakan dan 190 perjanjian (52.8%) melibatkan kematian baka ternakan. Selain itu, empat (4) perjanjian (1.1%) melibatkan ternakan hilang dan sembilan (9) perjanjian (2.5%) merupakan jualan kecemasan disebabkan kecederaan atau mandul.

i. Bayaran Balik Pinjaman

- Perkara 2.4 Surat Perjanjian Ternakan menyatakan kaedah bayaran balik pinjaman oleh peserta adalah dengan menyerahkan kepada Kerajaan seekor anak lembu berumur tidak kurang dari enam (6) bulan manakala kambing dan bebiri berumur tidak kurang sembilan (9) bulan. Anak lembu, kambing dan bebiri yang diserahkan hendaklah berkeadaan sihat, sempurna dan memuaskan mengikut pendapat Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri atau wakilnya.
- Analisis Audit terhadap Senarai Nama Peserta Skim PINTAF bagi seluruh negeri Kedah mendapati sebanyak 514 anak ternakan telah dilahirkan melibatkan 161 lembu, 255 kambing dan 98 bebiri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 157 perjanjian (30.5%) berjaya ditamatkan melibatkan 49 lembu (31.2%) dan 108 kambing (68.8%). Bagaimanapun, tiada bayaran balik bagi ternakan bebiri yang telah dilahirkan dibuat oleh peserta. Baki bayaran balik belum selesai adalah

sebanyak 357 ekor melibatkan 112 lembu (31.4%), 147 kambing (41.2%) dan 98 bebiri (27.4%). Status bayaran balik pinjaman Skim PINTAF mengikut jenis ternakan adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
STATUS BAYARAN BALIK PINJAMAN SKIM PINTAF
MENGIKUT JENIS TERNAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018

BIL.	TERNAKAN	BILANGAN TERNAKAN (Ekor)			
		AGIHAN INDUK	KELAHIRAN YANG PERLU DIBAYAR BALIK	SELESAI BAYARAN BALIK	BELUM SELESAI BAYARAN BALIK
1.	Lembu	488	161	49	112
2.	Kambing	857	255	108	147
3.	Bebiri	251	98	0	98
JUMLAH		1,596	514	157	357

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

- Semakan Audit terhadap tiga (3) daerah yang dilawati mendapati perkara seperti berikut:
 - Pada tahun 2015 hingga 2018, sebanyak 516 baka induk ternakan telah diagihkan kepada 58 peserta di daerah Kulim, Kota Setar dan Pokok Sena. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 153 (29.8%) induk betina layak dikenakan bayaran balik kerana telah melahirkan anak. Mengikut data Jabatan, bilangan baka induk yang melahirkan anak bagi tempoh tersebut terdiri dari 46 lembu, 74 kambing dan 33 bebiri. Daripada jumlah tersebut, hanya 38 baka induk (24.8%) telah selesai dibuat bayaran balik dan ditamatkan perjanjian manakala baki 115 baka induk (75.2%) belum membuat bayaran balik. Antara sebab bayaran balik belum dibuat adalah kerana anak ternakan masih belum cukup umur untuk dipisahkan dari baka induk atau mengantikan induk yang mati. Selain itu bayaran balik tidak dibuat disebabkan masalah pengurusan seperti Ladang Ternakan Bukit Selambau yang sedang dikuarantin dan pemantauan yang kurang berkesan di PPVD. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 20** dan **Gambar 5** hingga **6**.

JADUAL 20
BAYARAN BALIK PINJAMAN SKIM PINTAF
DI TIGA DAERAH DILAWATI BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018

TAHUN AGIHAN	BILANGAN TERNAKAN LAHIR, SELESAI, BELUM SELESAI BAYARAN BALIK SKIM PINJAMAN PINTAF (Ekor)											
	KOTA SETAR			POKOK SENA			KULIM			JUMLAH		
	LAHIR	SELESAI	BELUM SELESAI	LAHIR	SELESAI	BELUM SELESAI	LAHIR	SELESAI	BELUM SELESAI	LAHIR	SELESAI	BELUM SELESAI
BAKA INDUK LEMBU												
2015	9	7	2	0	0	0	0	0	0	9	7	2
2016	3	0	3	12	10	2	10	10	0	25	20	5
2017	7	0	7	0	0	0	0	0	0	7	0	7
2018	0	0	0	5	0	5	0	0	0	5	0	5
JUMLAH	19	7	12	17	10	7	10	10	0	46	27	19
BAKA INDUK KAMBING												
2015	6	0	6	0	0	0	31	11	20	37	11	26
2016	0	0	0	5	0	5	0	0	0	5	0	5
2017	7	0	7	0	0	0	0	0	0	7	0	7
2018	0	0	0	13	0	13	12	0	12	25	0	25
JUMLAH	13	0	13	18	0	18	43	11	32	74	11	63
BAKA INDUK BEBIRI												
2017	4	0	4	23	0	23	0	0	0	27	0	27
2018	6	0	6	0	0	0	0	0	0	6	0	6
JUMLAH	10	0	10	23	0	23	0	0	0	33	0	33
JUMLAH BESAR	42	7	35	58	10	48	53	21	32	153	38	115

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

GAMBAR 5



Peserta Skim PINTAF Daerah Kulim
- Program Penyerahan Balik Lembu
(20.12.2018)

(Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah)

GAMBAR 6



Peserta Skim PINTAF Daerah Kulim
- Program Penyerahan Balik Lembu
(20.12.2018)

(Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah)

- Berdasarkan Perjanjian Pinjaman Ternakan bagi induk lembu dan Para 3 Perjanjian Pemeliharaan Baka Lembu, tempoh perjanjian adalah selama tiga (3) tahun. Setelah itu, perjanjian baka lembu akan ditamatkan dan dibuat penilaian. Hasil nilai akan dibahagi sama rata antara peserta dan Kerajaan. Semakan Audit terhadap ternakan lembu yang diagihkan pada tahun 2015 bagi tiga (3) daerah yang dipilih mendapat lapan (8) baka lembu pejantan layak

ditamatkan perjanjian dan dinilai. Bagaimanapun, nilaiang belum dibuat bagi menamatkan perjanjian tersebut. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 21** dan **Gambar 7**.

JADUAL 21
BAKA LEMBU YANG BELUM DINILAI WALAUPUN TELAH TAMAT TEMPOH PERJANJIAN

BIL.	DAERAH	PESERTA	TARIKH PERJANJIAN	TARIKH TAMAT PERJANJIAN	NOMBOR PERJANJIAN	NOMBOR TAG TELINGA
1.	Kulim	Peserta 1	10.12.2015	9.12.2018	BIL002/JPV/KL/LJ/2015	30
2.	Kulim	Peserta 2	10.12.2015	9.12.2018	BIL003/JPV/KL/LJ/2015	KEH 1752
3.	Kulim	Peserta 3	10.12.2015	9.12.2018	BIL004/JPV/KL/LJ/2015	1
4.	Kulim	Peserta 4	10.12.2015	9.12.2018	BIL005/JPV/KL/LJ/2015	TM
5.	Pokok Sena	Peserta 5	16.12.2015	15.12.2018	BIL 01/JPVNK(LPPS)LJ/2015	KES 6209
6.	Kota Setar	Peserta 6	15.12.2015	14.12.2018	Tiada Perjanjian	KES 6488
7.	Kota Setar	Peserta 7	15.12.2015	14.12.2018	Tiada Perjanjian	KES 6484
8.	Kota Setar	Peserta 8	15.12.2015	14.12.2018	Tiada Perjanjian	KES 6485

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah



GAMBAR 7

Kampung Benua, Simpang Empat, Kota Setar
- Baka Lembu Tamat Tempoh Perjanjian yang Belum
Dinilai
(08.01.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Semakan Audit selanjutnya mendapati 54 baka induk lembu telah mencapai tempoh perjanjian tiga (3) tahun tetapi peserta belum menyelesaikan perjanjian. Ia melibatkan sembilan (9) baka induk lembu bagi tiga (3) peserta di daerah Kota Setar dan 45 baka induk lembu bagi lima (5) peserta di daerah Kulim. Semakan Audit terhadap Buku Rekod Rancangan Pawah mendapati tiada rekod kematian atau kelahiran dicatatkan. Berdasarkan semakan pada Kad Log Program PINTAF mendapati tiada rekod pemantauan dicatatkan pada kad tersebut. Ketiadaan perancangan pemantauan yang berkesan menyebabkan status kelahiran atau kematian ternakan tidak dapat direkodkan sekali gus menyebabkan kegagalan untuk menyelesaikan perjanjian. Ini menyebabkan agihan semula ternakan kepada peserta Skim PINTAF baharu tidak dapat dilaksanakan dan peningkatan kos bagi perolehan baka ternakan dari pembekal luar.

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 20 Mac 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah telah mengeluarkan arahan kepada semua penyelia PINTAF untuk membuat penilaian terhadap semua baka lembu yang telah tamat tempoh perjanjian bagi tahun 2015.

Pada pendapat Audit, pengurusan penamatan perjanjian Skim PINTAF tidak cekap kerana tiada kaedah peringatan dan pemantauan yang berkesan bagi bayaran balik pinjaman yang belum selesai.

6.2.6. Pemantauan

Pemantauan merupakan aspek penting dalam pelaksanaan sesuatu program. Antara kaedah atau mekanisme pemantauan yang boleh dipraktikkan ialah mesyuarat, laporan dan lawatan. Semakan Audit terhadap mekanisme pemantauan di peringkat Jabatan dan PPVD mendapatkan perkara seperti berikut:

a. Peringkat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah

i. Pemantauan Melalui Mesyuarat

Semakan Audit mendapati pemantauan terhadap pelaksanaan Skim PINTAF dilakukan oleh pegawai Unit Pedaging di peringkat negeri. Pemantauan adalah melalui Mesyuarat Pembentangan Permohonan Skim PINTAF, Mesyuarat Prestasi Projek Pembangunan Jabatan dan Kursus Asas Pengurusan Ternakan Dan Pemahaman Syarat Perjanjian kepada Peserta Skim PINTAF. Selain itu, Unit Pedaging juga mengadakan mesyuarat dengan penyelia Skim PINTAF di daerah melalui program pemantauan secara turun padang di lapangan.

ii. Sistem ePelaporan Bulanan

Unit Rekod Pawah Jabatan menjana laporan berkaitan agihan, agihan semula, pemantauan, kelahiran, kematian, kehilangan dan jualan ternakan Skim PINTAF melalui Sistem ePelaporan Bulanan. Pegawai di PPVD akan mengunci masuk rekod berkaitan secara bulanan ke dalam sistem ePelaporan. Semakan Audit terhadap sistem ePelaporan mendapati Unit Rekod Pawah Jabatan tidak dapat menjana laporan bulanan dengan lengkap. Ini kerana hanya PPVD Kuala Muda dan Padang Terap yang merekod masuk

maklumat berkaitan Program PINTAF ke dalam sistem. Bagaimanapun, ianya tidak lengkap dan kemas kini di samping terdapat PPVD lain yang tidak pernah melaporkan dalam ePelaporan berkaitan status terkini Skim PINTAF.

b. Peringkat Daerah

- i. Berdasarkan Prosedur Kualiti Pemantauan Program Pembangunan Industri Ternakan PINTAF, program pemantauan kepada semua ternakan PINTAF dilaksanakan dua (2) kali setahun. Jadual pemantauan perlu disediakan bagi melancarkan program lawatan ke lokasi peserta, pemeriksaan kesihatan terhadap ternakan dan program bersama peserta. Lawatan ke lokasi peserta hendaklah direkodkan di dalam Kad Log Program PINTAF salinan peserta dan PPVD.
- ii. Semakan Audit terhadap tiga (3) daerah yang dilawati mendapati PPVD tidak menyediakan jadual atau takwim lawatan pemantauan ke lokasi peserta PINTAF. Lawatan pemantauan bagi PPVD Kota Setar dan Kulim tidak dapat disahkan kerana Kad Log Program PINTAF salinan peserta dan Jabatan tidak dikemas kini dengan baik dan tiada rekod pemantauan dicatatkan. Manakala bagi daerah Pokok Sena, rekod pemantauan ada dicatat pada kad log setiap kali lawatan kepada peserta dibuat. Semakan Audit seterusnya mendapati Laporan Kemajuan Bulanan melalui sistem ePelaporan tidak disediakan.
- iii. Berdasarkan temu bual pegawai di PPVD terlibat, pihak Audit dimaklumkan bahawa sebelum tahun 2018 tiada pegawai khas yang bertanggungjawab mengenai pengurusan rekod PINTAF Jabatan. Bagaimanapun, mulai tahun 2018 Jabatan telah melantik seorang penyelia bagi setiap daerah yang bertanggungjawab mengenai pengurusan rekod Skim PINTAF. Namun begitu, penyelia yang dilantik memaklumkan bebanan tugas yang tinggi. Ini kerana selain menguruskan rekod pawah, mereka juga terlibat dalam pengurusan bahagian kesihatan, ungas dan klinik. Selain itu, pihak Audit dimaklumkan tiada kenderaan Jabatan di PPVD Kota Setar dan kenderaan yang telah berusia serta kerap rosak di PPVD Kulim dan Pokok Sena. Ini menyebabkan pemantauan di lapangan dan perekodan maklumat PINTAF tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Maklum balas JPVNK yang diterima pada 20 Mac 2019

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah telah memaklumkan kepada PPVD supaya menyediakan takwim lawatan untuk memudahkan urusan program pemantauan.

Pada pendapat Audit, pemantauan ke atas program Skim PINTAF boleh dipertingkatkan lagi dari aspek penyediaan jadual lawatan berkala ke lokasi peserta dan menggunakan sistem ePelaporan secara optimum bagi melaporkan prestasi ternakan Skim PINTAF untuk memastikan objektif Program PPP tercapai.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Pengauditan yang dilaksanakan pada bulan November 2018 hingga Januari 2019 merumuskan Program Peningkatan Populasi Pembiak Bagi Ternakan Ruminan adalah masih belum mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana sasaran Jabatan untuk meningkatkan populasi ternakan lembu, kerbau, kambing dan bebiri tidak dicapai. Faktor utama yang menyebabkan sasaran tidak dicapai adalah kerana kelemahan dalam perancangan dan sistem pemantauan Jabatan. Selain itu, Jabatan hanya membelanjakan sejumlah RM3.50 juta (67.1%) daripada RM5.21 juta peruntukan yang dipinda.

8. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan, adalah disyorkan pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah mengambil tindakan seperti berikut:

- 8.1. menetapkan sasaran peningkatan populasi ternakan di bawah Skim PINTAF;
- 8.2. memastikan semua perolehan dilaksanakan berdasarkan kepada peraturan yang berkuat kuasa;
- 8.3. memastikan setiap agihan ternakan Skim PINTAF dikeluarkan Surat Perjanjian Pinjaman Pawah, bayaran balik Skim PINTAF dilaksanakan setelah ternakan yang dilahirkan cukup umur dan perjanjian diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan;

- 8.4. memastikan pemantauan dan pengesahan di lapangan dirancang dan maklumat kelahiran, kematian serta status penyelesaian Skim PINTAF direkod dengan lengkap dan kemas kini;
- 8.5. memastikan pemantauan terhadap prestasi Skim PINTAF dibuat secara berkala dan teratur melalui mesyuarat di peringkat daerah dan Jabatan;
- 8.6. memastikan penggunaan Sistem ePelaporan Bulanan secara menyeluruh di peringkat daerah dan Jabatan untuk melaporkan prestasi ternakan Skim PINTAF; dan
- 8.7. memastikan keperluan perjawatan dan kenderaan Jabatan diperkasakan agar aktiviti pemantauan dapat dilaksanakan dengan sempurna.


PENUTUP

PENUTUP

1. Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti jabatan negeri seperti berkurangnya keskes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan aktiviti telah menjelaskan pencapaian matlamat yang ditetapkan pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkat dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.
2. Sehubungan itu, jabatan negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.
3. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti Sektor Awam di Malaysia. Laporan ini juga penting dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
15 November 2019**



AKRONIM

AKRONIM

AMK	Analisa Margin Kasar
ARSM	Agensi Remote Sensing Malaysia
Bil.	Bilangan
FMD	<i>Foot and Mouth Disease</i>
JAS	Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah
JMG	Jabatan Mineral dan Geosains
JPNK	Jabatan Perhutanan Negeri Kedah
KTN	Kanun Tanah Negara
MMK	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
MPL	Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan
No.	Nombor
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PDTL	Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi
PINTAF	Skim Pinjaman Induk Tanpa Faedah
PKC	<i>Palm Kernel Cake</i>
PKE	<i>Palm Kernel Expeller</i>
PPP	Peningkatan Populasi Pembiak
PPVD	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah
PTG	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah
SPEKS	Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri
SSL	Kemampuan Sara Diri
TRUST	Transformasi Usahawan Ternakan



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2019
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



Jabatan Audit Negara
No. 15, Aras 1–5,
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62518 Putrajaya, Malaysia